**Sektor pendaratan ikan tuna**
MS 6, 22 & 23

**Penang Smart Parking**
MS 15 & 24

PERCUMA

BULETIN MUTIARA

JULAI 16-31, 2019

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Tiada beg plastik setiap Isnin JOM jayakan!

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**SEBERANG JAYA –** Peniaga-peniaga di negeri ini diminta supaya tidak lagi memberikan beg plastik kepada pembeli pada setiap hari Isnin mulai 1 Julai 2019.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, inisiatif tersebut adalah tindakan lanjutan selepas dasar larangan penggunaan beg plastik diperkenalkan Kerajaan Negeri sejak 2009.

Tambahnya, pada masa ini, inisiatif tersebut adalah berbentuk sukarela tanpa melibatkan sebarang peruntukan undang-undang.

"Peringkat permulaan adalah tempoh pendidikan yang mana rakyat diminta tampil menunjukkan sokongan terhadap inisiatif Kerajaan Negeri dengan tidak menggunakan beg plastik demi menjaga alam sekitar.

"Sekiranya tidak berjaya dalam tempoh masa enam bulan, maka kita (Kerajaan Negeri) akan mengeluarkan syarat dan undang-undang untuk tindakan penguatkuasaan.

"Walau bagaimanapun, saya yakin bahawa warga Pulau Pinang akan menyokong inisiatif ini kerana rasa cinta mereka terhadap alam sekitar," kata beliau pada sidang media sempena Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma di sini 29 Jun lalu.

Pada sidang media sama, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu bahawa sebanyak 541 premis perniagaan telah berdaftar dengan MPSP bagi menyokong inisiatif tersebut.

"Justeru, setiap Isnin premis-premis ini digalakkan supaya tidak memberikan beg plastik kepada pembeli, manakala pada hari-hari lain, kutipan sebanyak RM0.20 perlu dibuat seperti biasa," ujarnya.

Sebagai rekod, Pulau Pinang merupakan negeri pertama di negara ini yang melancarkan kempen "Hari Tanpa Beg Plastik Percuma" pada Julai 2009.

*(Rujuk juga muka 25).*




ULU Muda perlu diwartakan sepenuhnya demi jaminan bekalan air di tiga negeri. (Rujuk berita lanjut di muka 20).

# Skuad Memanah Bawah 21 Tahun Negeri bolot 12 pingat emas

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**BAYAN LEPAS –** Seramai 10 atlet skuad memanah bawah 21 tahun yang menyertai Kejohanan Memanah Terbuka Jakarta 2019 pada 25 hingga 30 Jun lalu berjaya membawa pulang 12 pingat emas, perak (2) dan gangsa (4).

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berharap pencapaian pasukan tersebut memberi inspirasi kepada persatuan-persatuan sukan lain di negeri ini untuk menyertai kejohanan di peringkat kebangsaan hatta nasional, kelak.

"Semangat (bekas pemain nombor satu dunia) Datuk Lee Chong Wei mesti terus dibawa oleh semua atlet negeri ini, bukan sahaja dalam arena sukan badminton.

"Saya amat berharap agar kejayaan mereka dapat menjadi inspirasi dan teladan baik bagi atlet pelapis serta mereka yang baru serta ingin berjinak-jinak dalam sukan memanah," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal ketika menyambut kepulangan pasukan memanah negeri di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) di sini pada 1 Julai 2019.

Pengerusi Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Frederick Tan Teck An dan dua juruiring Pasukan Memanah Negeri Pulau Pinang, G. Shamani serta P. Salina turut sertai sidang media itu.

Menurut Salina, skuad memanah bawah 21 tahun kini memberi tumpuan untuk memburu emas dalam Kejohanan Memanah Terbuka Sarawak pada Ogos ini dan Kejohanan Memanah Terbuka UNISZA (September 2019).




ATLET-atlet memanah menjulang piala dimenangi pada Kejohanan Memanah Terbuka Jakarta 2019.




SOON Lip Chee (berkot kelabu) dan Frederick Tan Teck An (berdiri, empat dari kiri) bergambar kenangan dengan barisan atlet ketika menyambut kepulangan mereka di PIA baru-baru ini.

Syed Imran Syed Ibrahim, 20, berjaya merangkul tiga pingat emas dalam acara 50 meter (m) Compound Lelaki, Compound Lelaki Berkumpulan dan Compound Regu Bercampur.

Bercakap kepada pemberita, Syed Imran mengaku bahawa beliau hanya sasar membawa pulang satu pingat emas sahaja dalam Kejohanan Memanah Terbuka Jakarta baru-baru ini.

"Saya dah habis sekolah, kini atlet memanah sepenuh masa.

"Dalam kejohanan di Jakarta, yang kali pertama saya sertai kejohanan peringkat antarabangsa, memang saya sasar satu emas sahaja," jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada kedua-dua jurulatih serta MSNPP yang banyak menyokong skuad memanah bawah 21 tahun negeri.

# Pulau Pinang alu-alukan pengumuman pelan pembesaran PIA

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengalu-alukan pengumuman yang dibuat oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) berhubung pelan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dekat Bayan Lepas.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri amat berbesar hati serta menghargai inisiatif Kerajaan Persekutuan dan MAHB untuk meneruskan pelan pembesaran PIA.

"Saya berharap kerja-kerja pembesaran dapat dilakukan secepat mungkin memandangkan lapangan terbang tersebut kini beroperasi melebihi kapasiti, dan pihak MAHB pun telah mengumumkannya.

"Bagi Pulau Pinang, kita (Kerajaan Negeri) cuma mahu ia dimulakan dan disempurnakan segera, mengenai hal-hal lain seperti pembiayaan, ekuiti serta pengoperasian lapangan terbang dan sebagainya…terserah kepada pihak kementerian di peringkat Persekutuan dan MAHB," ujarnya pada sidang media sejurus menghadiri *Forum Art for Peace* anjuran *Global Chinese Art and Society* di sini 3 Julai lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa pada tahun lalu (2018), PIA merekodkan jumlah penumpang seramai 7.79 juta orang, melebihi kapasiti maksimum 6.5 juta penumpang setahun (mppa).

Oleh itu, Kerajaan Negeri, katanya, mengalu-alukan inisiatif pelan pembesaran meskipun tidak dinyatakan jumlah kapasiti sebenar oleh MAHB.

"Tetapi, saya percaya ia mampu menampung kapasiti sehingga 12 mppa dan optimis bahawa MAHB akan melihat jumlah kapasiti ini setelah kerja-kerja secara berfasa itu dimulakan kelak," ulasnya.

Menyentuh mengenai Inisiatif Pembiayaan Swasta atau *Private Finance Initiative* (PFI), Kon Yeow menyatakan bahawa isu tersebut telah selesai.

"Saya difahamkan bahawa MAHB kini berbincang dengan pelbagai pihak mengenai pembiayaan dan isu-isu berkaitan," katanya.

Terdahulu, dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MAHB, Raja Azmi Raja Nazuddin, MAHB sudah melaksanakan projek pembesaran sejak dua tahun lalu dengan membawa perunding bagi merangka pelan pembinaan terperinci selepas mengadakan perbincangan dengan pihak Kementerian Pengangkutan (MOT), Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Pelan pembesaran PIA sudah sedia untuk diserahkan pada akhir Julai 2019 bagi memperoleh kelulusan perancangan daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), selepas projek itu mendapat kelulusan yang diperlukan daripada MAVCOM, MOT dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian sebagai pemilik tanah.

"Sebaik pelbagai pelan berkaitan diluluskan oleh MBPP, pembinaan dijangka bermula pada suku pertama tahun hadapan," jelasnya sebagai dipetik dalam kenyataan pada 2 Julai lalu.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Tenaga kerja berkebolehan, faktor Siemens pilih Pulau Pinang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BAYAN LEPAS –** Syarikat penyedia penyelesaian perisian terkemuka di dunia, *Siemens Digital Industries Software* (SDISW) yang berpangkalan di Texas, Amerika Syarikat baru-baru ini melancarkan Hab Kompetensi Teknikal yang pertama di Asia Tenggara dalam memacu transformasi industri digital dan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) di negara ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, hab berkeluasan 1,400 kaki persegi itu akan mewujudkan peluang baru dalam merealisasikan inovasi pintar dan terkini.

Menurut beliau, pemilihan Pulau Pinang bagi membangunkan fasiliti syarikat terkemuka itu adalah ekoran tenaga kerja yang berkebolehan.

“Tenaga kerja yang kita (Pulau Pinang) miliki bukan sahaja mahir dalam bidang teknikal malah turut mahir berbahasa Inggeris, dan sebab itu Siemens (SDISW) memilih untuk membangunkan fasilitinya di sini, sama seperti beberapa syarikat lain yang telah bertapak di negeri ini.

“Pulau Pinang adalah salah satu hab pembuatan utama di rantau ini yang menempatkan kira-kira 350 syarikat multinasional (MNC) dan menjadi pangkalan kepada lebih 3,000 perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

“Hal ini terbukti apabila pada suku pertama tahun 2019 (Q1 2019), Pulau Pinang telah berjaya menarik RM8.47 bilion pelaburan langsung asing (FDI) serta dijangka mewujudkan 10,000 peluang pekerjaan baru di negeri ini,” ucapnya pada Majlis Perasmian Hab Kompetensi Teknikal Asia Tenggara Siemens di sini 28 Jun lalu.

Hadir sama, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato’ Abdul Halim Hussain.




**RAKAMAN gambar kenangan Ketua Menteri bersama-sama barisan kepimpinan serta kakitangan SDISW pada majlis perasmian Hab Kompetensi Teknikal Asia Tenggara syarikat terbabit di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Pengarah Urusan Siemens PLM Software yang juga Naib Presiden SDISW Asia Tenggara, Alex Teo memberitahu bahawa pembukaan hab tersebut bukan hanya keputusan berlandaskan perniagaan strategik tetapi juga untuk bertindak sebagai platform memupuk bakat baharu dan keupayaan teknikal.

“Pihak kami (Siemens) percaya dengan adanya hab ini, ia akan meningkatkan lagi komitmen dalam memacu pembaharuan digital merentasi semua fasa perniagaan.

“(Dan) Siemens akan bertindak membantu syarikat-syarikat terutamanya PKS memulakan perjalanan perniagaan mereka dalam aspek pendigitalan.

“Dengan adanya hab ini, Siemens juga boleh bekerjasama dengan kerajaan dalam memupuk kumpulan bakat baru dengan keupayaan teknikal yang betul sekaligus mampu memacu inovasi dan pembangunan produk digital terkini,” katanya.

Difahamkan, SDISW mempunyai lebih 140,000 pelanggan seluruh dunia dan bekerjasama dengan syarikat-syarikat yang berkecimpung dalam bidang elektrik, perisian, automasi dan pendigitalan.

## Skim Sewa Milik bantu rakyat miliki rumah pertama sendiri

**GEORGE TOWN –** Mereka yang tidak layak mendapat pinjaman perumahan daripada pihak bank masih berpeluang untuk memiliki rumah sendiri menerusi Skim Sewa Milik *(Rent-to-Own)* yang disediakan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa sehingga kini, Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri memiliki 1,927 unit rumah mampu milik (RMM) untuk membantu rakyat memiliki rumah pertama sendiri.

Menurutnya, bekalan hampir 2,000 unit rumah tersebut boleh wujud disebabkan langkah Kerajaan Negeri sejak dua tahun lepas membuka 30 peratus RMM kepada pasaran terbuka, dengan syarat kelayakan membeli yang lebih longgar demi merangsang lagi sektor hartanah swasta di negeri ini.

“Pada hari ini, pihak saya ada bekalan hampir 2,000 unit, pastinya rumah kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR), sama ada Kerajaan Negeri boleh menjualnya ataupun membantu mereka yang tidak layak mendapat pinjaman perumahan daripada bank untuk memiliki rumah pertama mereka.

“Saya akan pastikan separuh daripada 2,000 unit ini bakal diagihkan melalui Skim Sewa Milik *(Rent-to-Own Scheme)* yang disediakan oleh Kerajaan Negeri.

“Saya tunggu lama kerana saya yakin ia akan berlaku, dan kini ia telahpun berlaku (iaitu) sekurang-kurangnya 1,000 keluarga yang tidak layak mendapatkan pinjaman bank masih boleh dibantu oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerusi skim ini,” ujarnya yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembersihan Proses Perolehan Perumahan (SPEC) pada sidang media di sini 2 Julai 2019.

Beberapa ahli jawatankuasa SPEC lain, Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar), Azrul Mahathir Aziz (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Bayan Lepas), A. Kumaresan (ADUN Batu Uban), Daniel Gooi Zi Sen (ADUN Pengkalan Kota), Ong Ah Teong (ADUN Batu Lancang) turut sertai sidang media tersebut.

Hadir sama, beberapa wakil Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) serta peneraju syarikat-syarikat pemaju hartanah perumahan swasta lain.

Tambah Jagdeep, beliau masih ingat betapa kerasnya kritikan pihak tertentu terhadap cadangannya membuka 30 peratus pemilikan RMM kepada pasaran terbuka.

Namun, beliau menzahirkan rasa gembira kerana Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri ada hampir 2,000 unit KR dan KSR untuk membantu mereka yang tidak layak mendapat pinjaman perumahan daripada bank.

“Saya membenarkan pembukaan kepada pasaran terbuka ini dengan syarat mereka (syarikat pemaju swasta) mesti jual pada harga 10 peratus lebih daripada harga jualan.

“Maksudnya, kalau (harga jualan asal) RMM itu RM300,000, harga itu kena dinaikkan kepada RM330,000 kepada pembeli.

“Daripada RM30,000 hasil jualan ini, saya tidak akan mengambil walaupun satu sen (daripada syarikat pemaju swasta).

“Saya nak mereka (syarikat pemaju swasta) beri kepada Kerajaan Negeri (dalam bentuk) unit rumah yang senilai dengannya, sama ada rumah kos rendah ataupun rumah kos sederhana rendah,” jelasnya.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu bahawa cadangannya pada ketika itu bertitik-tolak pada senario sektor hartanah yang berkembang perlahan, kadar rumah tidak terjual yang tinggi serta kadar permohonan pinjaman perumahan ditolak oleh bank mencecah hampir 70 peratus.

Beliau melihat efisien Skim Sewa Beli yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sejak beberapa tahun lepas bagi projek *town house* Taman Seruling Emas dan rumah pangsa Taman Sungai Duri Permai, kedua-duanya di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

## Sekolah Agama As-Saadah jangka siap dalam tempoh setahun

**PENAGA -** Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek Bangunan Baru Sekolah Agama As-Saadah, yang akan mengambil tempoh pemajuan selama setahun dari sekarang.

Bercakap kepada pemberita, beliau merakamkan penghargaan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) kerana memperuntukkan RM1 juta untuk pelaksanaan projek Persekutuan tersebut.

“Bangunan baru Sekolah Agama As-Saadah terdiri daripada lapan bilik darjah, kalau ikut kelas KAFA (Kelas Agama dan Fardhu Ain) untuk satu kelas dapat memuatkan maksimum 25 pelajar.

“Di sini juga ada dewan yang agak besar, boleh memuatkan sehingga 400 orang dalam satu-satu masa, mungkin juga boleh dipertimbang untuk kegunaan komuniti tempatan seperti aktiviti kenduri dan kemasyarakatan,” jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat dalam sidang media selepas berucap serta menyempurnakan acara gimik majlis pecah tanah di sini pada 5 Julai lalu.

Pengarah Pembangunan Persekutuan Negeri Pulau Pinang, Dato’ Dr. Mohamad Farazi Johari, wakil Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) serta ketua-ketua jabatan kerajaan lain turut sertai majlis tersebut.

Menjawab soalan pemberita, Ahmad Zakiyuddin memberitahu bahawa pihaknya telah meneliti kaedah, modul serta silibus ‘KAFA Menengah’ yang telah dilaksanakan di Selangor, untuk diimplementasi secara berperingkat di Pulau Pinang mulai tahun hadapan.



**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (tiga dari kanan) dan pihak-pihak berkaitan meneliti proposal projek berkaitan pada Majlis Pecah Tanah Projek Bangunan Baru Sekolah Agama As-Saadah di sini baru-baru ini.**

# Pengiklanan luaran, mantapkan kempen EPY2020

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan (PETACH) melancarkan pengiklanan luaran bagi menyemarakkan lagi kempen *'Experience Penang 2020'* (EPY2020).

Pengerusinya, Yeoh Soon Hin berkata, pelancaran inisiatif pengiklanan luaran tersebut adalah pendekatan untuk menonjolkan setiap aspek kepelbagaian mengagumkan yang terdapat di negeri ini khususnya daripada segi budaya, warisan, kesenian, makanan dan sebagainya.

“"Pengiklanan dan promosi EPY2020 akan dijalankan secara berterusan pada tahun ini bagi menarik kehadiran lebih ramai pelancong sama ada dari dalam dan luar negara pada tahun 2020.

"Slogan 'Kepelbagaian Asia' yang digunakan adalah bukti wujudnya kepelbagaian di negeri ini yang dicerminkan menerusi pelancongan, warisan, budaya, perayaan, makanan jalanan bertaraf dunia, infrastruktur moden, pelancongan pesisir pantai serta pelbagai aspek lain sekaligus menjadikan Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi paling mudah untuk dilawati di Asia," katanya pada sidang media sempena pelancaran kempen berkenaan di sini 2 Julai lalu.

Turut serta, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Penang Global Tourism (PGT), Datuk Seri Arunasalam; Dato' Danny Goon; Dato' Albert Tan dan Kenneth Tan; Ketua Pegawai Eksekutif PGT, Ooi Chok Yan; Ketua Pegawai Operasi Rapid Penang, Mohd. Azmi Abdullah, Pengurus Besar LinkBike, Ken Yeoh serta Pengurus Besar Parisign Media, Datuk Micheal Tan.

Difahamkan, pengiklanan luaran EPY2020 ditempatkan di beberapa perhentian bas, lima bas Rapid Penang dan 200 LinkBikes di sekitar George Town serta beberapa bandar lain di seluruh negara.

Bukan itu sahaja, EPY2020 juga dilancarkan di luar negara melalui pameran bergerak iaitu di China, Korea Selatan dan Thailand, malah pada masa akan datang akan turut dilaksanakan di Taiwan, Indonesia dan Singapura.




**YEOH Soon Hin (kanan sekali) menyempurnakan gimik pelancaran pengiklanan luaran kempen EPY2020 di salah sebuah hentian bas di sini baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Soon Hin menjelaskan bahawa Pulau Pinang menjadi negeri pertama di negara ini yang bekerjasama dengan aplikasi *TikTok* melalui *#TikTokTravel* sebagai inisiatif untuk meningkatkan lagi promosi EPY2020.

"Selain itu, kempen EPY2020 juga memaparkan platform tempahan dalam talian iaitu melalui *experiencepenang.com.my* yang mana tarikan-tarikan yang terdapat di Pulau Pinang akan ditonjolkan dan pakej pelancongan ditawarkan pada harga yang menarik," ujarnya.

# Sumbangan ringan beban kos operasi pusat hemodialisis

**BUKIT TAMBUN –** Sebanyak RM10,000 disumbangkan oleh Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani kepada Pertubuhan Hemodialisis Seberang Perai Selatan (SPS) bagi meringankan beban kos operasi pusat berkenaan.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail sempena lawatan beliau ke pusat hemodialisis berkenaan dekat Simpang Ampat di sini 6 Julai lalu.

Turut mengiringi lawatan tersebut adalah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; ADUN Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung; ADUN Sungai Acheh, Zulkifli Ibrahim; Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar serta Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.




**P. Kasthuriraani (empat dari kiri), Dr. Wan Azizah Wan Ismail (enam dari kiri), barisan ADUN dan pihak-pihak berkaitan bergambar kenangan pada majlis penyampaian sumbangan bersempena sesi lawatan khas di sini baru-baru ini.**

Wan Azizah dalam ucapannya menyeru pengendali pusat hemodialisis milik swasta supaya mematuhi peraturan ditetapkan termasuk mempunyai seorang pakar nefrologi bagi mengelakkan insiden tidak diingini berlaku ketika menjalankan rawatan.

"Dulunya, memang tidak memerlukan seorang pakar, tetapi kita dapati ada insiden pusat dialisis yang tidak mematuhi peraturan sehingga menyebabkan berlaku sedikit kekurangan daripada segi perkhidmatan.

"Oleh itu, kita terpaksa ketatkan peraturan-peraturan untuk menubuhkan pusat dialisis," katanya.

Dalam pada itu, pengasas pertubuhan berkaitan, Goh Kheng Hua memberitahu bahawa penubuhan pusat hemodialisis berkenaan adalah untuk membantu pesakit yang tidak berkemampuan bagi mendapatkan rawatan.

"Kami amat memerlukan peruntukan untuk perbelanjaan operasi yang menelan kos kira-kira RM35,000 sebulan termasuk subsidi untuk pakar nefrologi," ujarnya sambil memberitahu bahawa pusat yang telah beroperasi selama 21 tahun itu mempunyai 46 pesakit berdaftar yang sedang menerima rawatan.

# PSR: EIA diperoleh, Kerajaan Negeri sedia teliti dan patuhi 72 syarat

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerima kelulusan bersyarat bagi Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) Terperinci projek tambakan laut di selatan pulau (PSR) daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengesahkan bahawa beliau telah menerima surat kelulusan tersebut berserta 72 syarat menerusi faksimili ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 4 Julai 2019.

Bercakap kepada pemberita, Kon Yeow memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri masih perlu meneliti secara terperinci kandungan syarat-syarat serta nasihat yang dinyatakan oleh JAS dalam surat kelulusan tersebut.

"Mungkin kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) akan mengadakan pertemuan dengan JAS bagi meneliti dan mengadakan perbincangan lanjut semua syarat terbabit," katanya pada sidang media sebelum merasmikan Ekspo Taiwan 2019 di sini 5 Julai lalu.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri akan mematuhi semua syarat yang dinyatakan meskipun membabitkan kenaikan perbelanjaan dan memerlukan masa untuk menelitinya.

"Sebelum inipun kita (Kerajaan Negeri) juga menerima syarat bagi kelulusan laporan EIA lain tetapi tidak sebanyak (syarat) projek PSR ini.

"Saya percaya kesemua syarat ini bukanlah sesuatu yang baharu kerana semasa proses permohonan sebelum ini, pihak Kerajaan Negeri mengadakan pertemuan dengan pelbagai agensi berkaitan bagi membincangkan hal-hal teknikal pelaksanaannya.

"Bagi saya, yang lebih penting adalah projek ini dilaksanakan mengikut syarat-syarat yang dinyatakan dan melaksanakannya dengan selamat," jelasnya.

Sebagai rekod, sebelum ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut menerima kelulusan bersyarat daripada Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) berhubung projek ini yang mengandungi 18 nasihat.

# Laksana cukai petak ganti cukai tanah mulai 2020

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang bakal melaksanakan cukai petak bagi menggantikan cukai tanah ke atas hak milik strata mulai tahun hadapan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa melalui pelaksanaan cukai tersebut, pemilik petak tidak lagi perlu membayar cukai tanah kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) melainkan caj penyelenggaraan semata-mata.

"Selepas dikuatkuasakan (cukai petak), setiap unit strata akan dikeluarkan bil cukai petak, maka setiap pemilik unit akan membayar terus kepada kerajaan tanpa perlu bergantung kepada JMB.

"Melalui kaedah sebelum ini, pejabat daerah dan tanah akan mengeluarkan bil kepada JMB sebelum badan itu membahagikan cukai tersebut dan membuat kutipan," ujarnya pada sidang media di sini 28 Jun lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan Pengarah Penjabat Tanah dan Galian Pulau Pinang (PTGPP), Akmar Omar.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa cukai petak bagi tahun 2019 akan diedarkan secara berperingkat mulai Julai 2019.

"Sebanyak 224,303 bilangan petak melibatkan 1,796 skim perumahan berstrata dijangka akan menerima bil cukai petak pada tahun ini, manakala bagi bil cukai petak tahun 2020 akan diedarkan bermula Januari 2020 secara pos mengikut alamat surat menyurat," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Dalam pada itu, Akmar turut menasihati pemilik strata supaya mengemas kini alamat surat-menyurat bagi memudahkan proses pada masa akan datang.

"Setelah buat bayaran, pemilik boleh kemas kini alamat masing-masing dan kita akan pastikan pada masa hadapan, mereka akan dapat bil terus ke alamat didaftar.

"Buat masa sekarang, pemilik petak boleh terus ke pejabat daerah dan tanah masing-masing untuk mendapatkan bil dan terus bayar di situ," ujarnya.

Difahamkan, selain Pulau Pinang, Selangor dan Melaka telah melaksanakan kaedah sama, manakala Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bakal melaksanakannya pada tahun hadapan.

## Pemilik tanah Gred Satu juga tertakluk kepada undang-undang

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menegaskan bahawa pemilik tanah gred satu *(first grade)* perlu mematuhi undang-undang yang diwartakan Kerajaan Negeri.

Menurut beliau, keistimewaan yang terdapat pada pemilik tanah sering kali disalah tafsir oleh sesetengah pihak sehingga menimbulkan persepsi tidak tepat.

"Ada yang beranggapan bahawa pemilik tanah Gred Satu tidak tertakluk kepada sebarang undang-undang sekiranya hendak membangunkan tanah mereka.

"Hakikatnya, mereka (pemilik) masih tertakluk kepada undang-undang dan peraturan berkaitan pemajuan tanah tanpa sebarang pengecualian di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa yang merupakan sumber perundangan utama.

"Malah, terdapat juga undang-undang lain yang perlu dipatuhi seperti akta-akta pemuliharaan tanah, enakmen air, akta pengambilan tanah, akta warisan kebangsaan, kaedah-kaedah kuari dan lain-lain yang berkaitan kawalan pembangunan tanah," ujar Kon Yeow pada sidang media di sini 28 Jun lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang (PTGPP), Akmar Omar.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa walaupun tanah Gred Satu mempunyai keistimewaan untuk mengekstrak mineral, batu-batan dan lain-lain tanpa memohon Statistik Permohonan Pengeluaran Bahan Batuan (Permit 4C), namun mereka (pemilik) tetap perlu menghantar pelan merancang kerja tanah, kuari serta sebagainya.

"Kerja-kerja mengekstrak, kuari dan lain-lain masih memerlukan kebenaran merancang dan perlu mematuhi semua syarat yang ditetapkan," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Tanjong.



# Gembleng tenaga perkasakan semula sektor pendaratan ikan tuna Negeri

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**




DR. Afif Bahardin (kanan) dan Noraisyah Abu Bakar pada sidang media di sini baru-baru ini.

**SERI DELIMA –** Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi perikanan bakal menggembleng tenaga memperkasakan semula sektor pendaratan ikan tuna di Pulau Pinang, ujar Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Menurutnya, sektor tuna mempunyai potensi dan mampu membawa pulangan yang sangat lumayan kepada penggiat industri tersebut.

"Kita (Kerajaan Negeri) berhasrat untuk membangunkan semula industri tuna ini dan semua agensi berkaitan perlu bersama-sama menggembleng tenaga menjayakannya.

"Usaha ini juga diharap mendapat sokongan daripada Kerajaan Pusat kerana ia sememangnya berpotensi, dan pelabuhan kita (Pulau Pinang) juga telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Tuna Lautan Hindi (IOTC) untuk mendaratkan tuna.

"Saya yakin industri ini mampu memberikan satu pulangan ekonomi yang baik kepada golongan muda yang mana secara tidak langsung ia menyediakan peluang pekerjaan baharu," ujar beliau sambil memaklumkan bahawa industri tuna pernah bertapak di Pulau Pinang suatu masa dahulu yang kemudiannya terpalit dengan isu projek gajah putih.

Afif berkata demikian ketika hadir pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri dan Penyerahan Speks Akuakultur dan Biosekuriti Pejabat Perikanan Pulau Pinang di sini 25 Jun lalu.

Hadir sama, Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang, Noraisyah Abu Bakar.

Pada majlis sama, Afif turut menyampaikan Sijil Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) kepada lima penternak.

"Setakat ini, seramai lima penternak telah layak menerima insentif ini yang keseluruhannya bernilai RM123,085, dan saya difahamkan jumlahnya akan bertambah ekoran pertambahan permohonan daripada golongan berkaitan.

"Bagi menggalakkan penternak serta nelayan memperoleh sijil-sijil ini, kerajaan telah memberi insentif galakan berupa speks kepada yang ingin memohon persijilan ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Dalam pada itu, Noraisyah memaklumkan bahawa bagi tahun 2018, pengeluaran ikan makan untuk negeri Pulau Pinang adalah berjumlah 21.2 juta tan metrik dengan nilai RM1,225.72 juta yang meliputi sub sektor perikanan tangkapan iaitu 54.69 ribu tan metrik (RM522 juta).

"Manakala sumbangan sub sektor akuakultur pula mencatatkan 21.17 juta tan metrik bernilai RM702.2 juta," katanya.

*(Rujuk juga muka 22 & 23).*

## Terap elemen keselamatan demi kurangkan kemalangan maut

**SEBERANG JAYA -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengesyorkan para peserta Siri Ketiga Northern Bike Week 2019 supaya turut memasukkan elemen program kesedaran keselamatan jalan raya dalam penganjuran aktiviti-aktiviti mereka pada masa hadapan.

"Terdapat lebih 4,000 kematian jalan raya di Malaysia setiap tahun, termasuk lebih 400 kes membabitkan Pulau Pinang.

"Kadar kematian yang tinggi adalah masalah utama di negara ini, setiap jam, terdapat kemalangan maut yang dilaporkan.

"Oleh itu, penting bagi persatuan untuk memberi perhatian kepada aspek keselamatan (para penunggang) dan membantu meningkatkan kesedaran keselamatan," katanya dalam majlis khas bersama-sama ahli jawatankuasa dan ahli-ahli pertubuhan berkaitan di sini 15 Jun 2019.

Hadir sama, Exco Belia & Sukan, Soon Lip Chee yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal; Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Kamarul Haizal Koderat dan Muhammad Hamdi Md. Noor (wakil ADUN Permatang Pasir, Muhammad Faiz Fadzil).

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi memberitahu bahawa Kerajaan Negeri sejak beberapa tahun lepas memang mempunyai sasaran untuk menurunkan 10 peratus kadar kemalangan jalan raya di negeri ini.

Bagi mencapai sasaran itu, menurutnya, ia memang memerlukan lebih banyak program kesedaran membabitkan pengguna jalan raya.

"Kematian adalah kerugian besar kepada masyarakat kerana ramai mangsa masih boleh menyumbang kepada negara. Selain itu, isteri, kanak-kanak serta ibu bapa menderita apabila perkara itu berlaku.

"Oleh itu, isu keselamatan adalah penting, dan kita perlu bekerjasama dengan pihak berkuasa seperti polis dalam inisiatif mengurangkan kes kematian," jelas beliau yang juga ADUN Padang Kota.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow turut merakamkan penghargaan kepada Presiden Weekly Bike Northern 2019, William Khoo serta jawatankuasanya atas kejayaan mengadakan acara tempatan ketiga mereka pada 26 hingga 28 April.

Sebelum itu, William Khoo ketika berucap antara lain menyatakan bahawa pihaknya merancang untuk menjemput para penunggang dari negara-negara seperti Singapura, Thailand, Laos, Kemboja, Brunei dan Myanmar untuk mengambil bahagian dalam minggu basikal antarabangsa pada tahun 2021.

"Pada penganjuran kali ini, para peserta turut mengambil bahagian dalam kerja-kerja amal seperti menyampaikan sumbangan kepada rumah orang tua dan sekolah agama rakyat masing-masing di Sungai Dua, Seberang Perai Utara dan Bukit Mertajam (SPT),'' ujarnya.

## Pengisian industri, Kerajaan Negeri giat lahir tenaga kerja profesional

**PENANTI –** Kerajaan Negeri kini sedang mempersiapkan lebih ramai tenaga kerja profesional dan teknokrat bagi mengisi industri penting meliputi bidang STEM (sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik) di negeri ini pada masa akan datang.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berkata demikian pada penganjuran Karnival STEM Sekolah-sekolah Pulau Pinang 2019 di sini baru-baru ini.

Dalam ucapannya, Ramasamy berkata bahawa penganjuran karnival berkenaan secara tahunan mampu mengeratkan lagi kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP).

"Walaupun Karnival STEM adalah acara tahunan anjuran JPNPP, namun ini kali pertama kerjasama rasmi antara JPNPP dan Penang STEM terjalin.

"Justeru, dengan kejayaan besar yang dicapai ini, saya yakin bahawa JPNPP dan Penang STEM akan terus berkembang dan mencapai tujuan untuk memberi inspirasi kepada lebih ramai pelajar untuk melanjutkan pelajaran dalam aliran STEM pada masa akan datang," jelasnya yang juga Pengerusi Penang STEM pada majlis berkaitan.

Turut hadir, Pengarah Pendidikan Negeri, Dr. Mahanom Mat Som; Pengarah IPG Kampus Tuanku Bainon, Mohd. Saad Abbas; Pengurus Besar Penang STEM 4.0, Richard Chung; wakil kepada Ketua Pegawai Eksekutif Globetronics Technologies Bhd., Dato' Heng Huck Lee serta Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri, Abdul Rashid Abdul Samad.

Ramasamy yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi dalam pada itu berharap agar lebih banyak lagi syarikat multinasional dan tempatan tampil untuk menyokong acara berkenaan pada masa akan datang bagi menggalakkan lebih ramai pelajar berminat ke arah pembelajaran STEM.

"Terima kasih kepada Globetronics Technology Industries Sdn. Bhd. sebagai penaja utama kerana memberi peluang kepada lebih 1,000 pelajar menyertai program ini.

Sebanyak 18 Kategori STEM dipertandingkan dalam penganjuran berkenaan yang melibatkan kira-kira 1,300 pelajar sekolah rendah dan menengah serta 700 guru.




# Kebajikan pendidik dan warga sekolah terus diberi keutamaan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PADANG LALANG –** Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong berkata, aspek pendidikan menjadi antara isu yang sering diberi perhatian serius oleh pucuk pimpinan sama ada di peringkat negeri mahupun Persekutuan.

Justeru, menurutnya, dalam tempoh setahun selepas peralihan tampuk pemerintahan sejak 9 Mei tahun lalu (2018), peruntukan untuk sektor pendidikan bagi sekolah-sekolah di sekitar Bukit Mertajam telah mencecah lebih RM8 juta pada tahun lepas.

Chee Keong berkata demikian ketika menyantuni guru-guru yang hadir pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri dekat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tinggi Bukit Mertajam di sini 29 Jun lalu.



**STEVEN Sim Chee Keong (barisan depan, berbaju Melayu hitam) bergambar kenangan bersama-sama barisan guru yang hadir pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri di SMK Tinggi Bukit Mertajam baru-baru ini.**

"Bagi tahun ini pula, sumbangan daripada aspek kewangan kepada sekolah-sekolah di Bukit Mertajam untuk projek-projek kecil adalah daripada RM1,000 hingga RM85,000 mengikut keperluan semasa.

"Sekolah Menengah Agama (SMA) Al-ahmadiah Al-ijtimaiah merupakan penerima sumbangan tertinggi pada tahun ini iaitu sebanyak RM85,000.

"Selain pembangunan pendidikan, kebajikan pelajar, pendidik dan warga sekolah juga akan diberikan keutamaan," ucapnya.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) Bernard Cheen Gooi Hoon; Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Seberang Perai Tengah, Mohd. Fuad Mohd. Khir serta barisan para guru.

Mengulas lanjut, Chee Keong menjelaskan bahawa penganjuran program berkenaan adalah sebagai menghargai jasa guru-guru dari 33 sekolah di sekitar Bukit Mertajam sempena Hari Raya Aidilfitri.

"Saya harap agar kita dapat aturkan pertemuan antara pejabat wakil rakyat di Bukit Mertajam dan juga para pendidik pada masa akan datang bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara sesama kita," ujarnya.

# Dua ekar tanah kepada LPP bangunkan projek fertigasi halia

**BAGAN JERMAL –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekali lagi mengorak langkah ke hadapan melalui pelaksanaan projek fertigasi tanaman halia berskala besar di negeri ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, bagi tujuan itu, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menyerahkan sebidang tanah seluas dua ekar di Kampung Pelet dekat Permatang Pauh kepada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Pulau Pinang bagi membangunkan projek berkenaan.

"Terima kasih kepada saudara Mazlan Aliman (Pengerusi LPP Kebangsaan) yang melakukan kunjungan hormat kepada saya dan memaklumkan tentang kemampuan LPP dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) untuk melaksanakan projek-projek fertigasi dan pertanian yang berteknologi.




**DR. Afif Bahardin (dua dari kanan) menyampaian sumbangan kepada para penerima berkaitan pada Hari Bertemu Pelanggan dan Majlis Hari Raya Aidilfitri LPP Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

"Justeru, atas inisiatif itu Kerajaan Negeri melalui pejabat saya telah mencadangkan supaya LPP diberi peluang membangunkan fertigasi tanaman halia secara tersusun dan terancang dekat Permatang Pauh Agropark," katanya pada sidang media selepas merasmikan program Hari Bertemu Pelanggan dan Majlis Hari Raya Aidilfitri LPP Pulau Pinang dekat Wisma Peladang di sini 2 Julai lalu.

Hadir sama, Pengarah LPP Pulau Pinang, Anuar Mat Esa; Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri Pulau Pinang, Datuk Ismail Umar dan Timbalan Pengarah LPP Pulau Pinang, Zulkifli Muhammad.

Mengulas lanjut, Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya menjelaskan bahawa LPP menyasarkan sebanyak 120,000 polibeg tanaman halia bakal dihasilkan melalui projek tersebut.

"Sekiranya projek ini berjaya dilaksanakan, maka kita (Pulau Pinang) dapat mengurangkan kebergantungan kepada tanaman halia import," jelasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Anuar memaklumkan bahawa LPP juga dalam perancangan untuk mewujudkan semula projek ikan sangkar dekat Pulau Aman yang musnah akibat bencana ribut pada tahun 2017.

"Oleh itu, kita (LPP) mahu wujudkan semula 300 ikan sangkar dengan kos kira-kira RM3.8 juta yang mana RM2 juta daripadanya adalah untuk membina infrastruktur yang diperlukan.

"Spesies ikan yang dikenal pasti pula adalah bawal emas, jenahak dan ikan merah," tambah beliau.

# NATSUM 2019, platform jurutera berkongsi pengetahuan

**GEORGE TOWN -** Golongan muda yang berkelayakan dan mempunyai potensi dalam bidang kejuteraan perlu diberi dorongan bagi membolehkan mereka melanjutkan pengajian dalam bidang berkaitan di universiti.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari berkata, Pulau Pinang yang terkenal dengan jolokan Lembah Silikon serta mempunyai sejumlah tinggi syarikat teknologi tinggi di kawasan perindustrian umumnya memerlukan lebih ramai jurutera mahir serta profesional.

"Pulau Pinang kini sedang mengorak usaha untuk menjadi sebuah negeri maju serta pintar dengan ekonomi berpendapatan tinggi, di samping mempunyai pekerja mahir.

"Berlandaskan jolokan Lembah Silikon, kita (Pulau Pinang) menjadi tumpuan sejumlah besar syarikat berteknologi tinggi yang memerlukan lebih ramai jurutera di zon perindustrian bebas.

"Ini bermakna, selain mempunyai banyak peluang cerah untuk memperoleh pekerjaan, ia juga membantu anda (jurutera) untuk membina kerjaya di sini," ujarnya pada Sidang Kemuncak Jurutera IEM Kebangsaan 2019 (NATSUM 2019) baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Cawangan IEM Pulau Pinang, Yau Ann Nian dan Ahli Majlis IEM, Dr. Ng Soon Ching yang mewakili presidennya.

Sidang kemuncak tersebut adalah platform buat para jurutera muda negara serta pelajar untuk berkongsi pendapat, pengetahuan dan melakukan aktiviti berpasukan dalam bidang berkaitan.

# Pembaharuan semula skim perumahan awam tetap diteruskan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **NUR AMIRAH HUSNA ROSLAN**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk meneruskan usaha pembaharuan semula skim perumahan awam di Lorong Mahsuri 10, Bandar Bayan Baru.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa melalui perbincangan Mesyuarat Jawatankuasa MMK Perumahan pada 4 Julai lalu, pihak berkaitan telah memutuskan untuk tetap meneruskan usaha bagi pembaharuan semula skim perumahan awam di Pulau Pinang.

Menurut beliau, hasrat bagi pembaharuan semula skim perumahan awam di negeri ini akan dibawa ke Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) pada Ogos ini.

"Malah, sebelum ini, isu sama juga pernah dibincangkan bersama-sama pasukan petugas *(task force)* di peringkat Persekutuan bagi mencari penyelesaian terbaik melaksanakan pembaharuan semula ini.

"(Dan) dalam mesyuarat MTN tersebut nanti, akan dibincangkan sama ada perlu ubah undang-undang sedia ada berkaitan atau menggubal suatu undang-undang baru pembaharuan semula.

"Walau apa jua keputusannya (mesyuarat MTN), Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan tetap dengan pendirian untuk meneruskan usaha pembaharuan semula ini di blok Mahsuri (Lorong Mahsuri 10) mengikut peruntukan undang-undang sedia ada," ujarnya pada sidang media di sini pada hari berkaitan.



**JAGDEEP Singh Deo (kiri sekali), barisan ahli jawatankuasa MMK Perumahan dan wakil-wakil terlibat memerhatikan pelan perancangan berkaitan pada sidang media di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong dan ADUN Pengkalan Kota, Gooi Zi Sen selaku ahli jawatankuasa MMK Perumahan.

Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Perumahan), 'Ainul Fadhilah Samsudi; Ketua Penolong Setiausaha (Seksyen Dasar & Pembangunan), Fakhurrazi Ibnu Omar serta beberapa wakil daripada Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) turut serta dalam sidang media tersebut.

Mengulas lanjut, Jagdeep memaklumkan bahawa di sesetengah negara, usaha pembaharuan semula bukanlah sesuatu yang baharu.

"Terdapat negara yang mempunyai kementerian khusus untuk pembaharuan semula, ada juga yang mempunyai peruntukan undang-undang berkaitan.

"Jadi, apa jua keputusan Ogos nanti, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan teruskan usaha ini mengikut peruntukan undang-undang sedia ada seperti Kanun Tanah Negara, Akta Pengambilan Tanah dan Akta Hak Milik Strata.

"Kita (Kerajaan Negeri) mahu rumah pangsa di Lorong Mahsuri 10 menjadi projek perintis, dan dalam masa sama mengenal pasti skim-skim perumahan awam yang usang untuk dilaksanakan inisiatif ini," tegasnya.

Difahamkan, terdapat 300 unit rumah pangsa di Lorong Mahsuri 10 kini dengan keluasan kediaman antara 256 kaki persegi (kp) sehingga 429 kp.

Sekiranya inisiatif pembaharuan semula ini dilaksanakan, maka dalam tempoh tiga tahun akan ada 1,150 unit di tapak sama iaitu 345 unit rumah kos sederhana rendah dengan keluasan 700 kp dan 805 unit rumah mampu milik (850 kp) beserta ruang parkir untuk setiap kediaman.

Selain Lorong Mahsuri 10, Jawatankuasa Pembaharuan Semula telah mengenal pasti empat skim perumahan awam lama lagi yang turut berpotensi untuk dilaksanakan pembaharuan semula.

Empat skim perumahan awam tersebut adalah di rumah pangsa Padang Tembak, Air Itam; Taman Free School, Datuk Keramat; Taman Siakap, Seberang Jaya dan Mak Mandin, Butterworth.

## Patuhi semua garis panduan dan undang-undang elak kes kemalangan di tapak pembinaan

**PERAI –** Kebanyakan kes kemalangan di tapak-tapak pembinaan yang dilaporkan berlaku di negeri ini adalah berpunca daripada kegagalan pihak kontraktor atau syarikat pembinaan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) ditetapkan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, walaupun pemantauan ketat sering dijalankan oleh JKKP, namun sekiranya pihak pemaju gagal mematuhi garis panduan ditetapkan, maka kemalangan di tapak pembinaan tetap akan berlaku.

"Pertama sekali kita perlu kenal pasti sama ia (kemalangan) adalah akibat runtuhan tanah atau kerana berlaku kegagalan di tapak pembinaan.

"Saya fikir kejadian tanah runtuh yang dilaporkan di Pulau Pinang hanya satu kes dan selebihnya adalah kerana kegagalan di tapak pembinaan.

"Oleh itu, sekiranya kontraktor dan syarikat pemaju mematuhi semua garis panduan dan undang-undang ditetapkan maka jumlah kes kemalangan di tapak pembinaan dapat dikurangkan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Seminar Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Industri Pembinaan (OSHCIM) Zon Utara di sini 4 Julai lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah JKKP Malaysia, Ir. Zailee Dollah; Pengarah JKKP Pulau Pinang, Jaafar Leman; Pengarah JKKP Kedah, Hairozie Asri serta Pengarah JKKP Perlis, Amree Ghazi.

Difahamkan, seramai 270 peserta dari Pulau Pinang, Kedah dan Perlis menyertai seminar berkenaan yang bertujuan membuka peluang kepada semua pihak untuk berkongsi pendapat atau mengemukakan persoalan berkaitan aspek keselamatan serta kesihatan pekerjaan.

Dalam pada itu, Zailee memberitahu bahawa pihak JKKP kini dalam proses membuat pindaan terhadap akta sedia ada iaitu Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 bagi meningkatkan hukuman terhadap pesalah terlibat.

"Mungkin hukuman denda maksimum RM50,000 terhadap pesalah di bawah akta sedia ada pada masa ini dilihat masih rendah dan gagal menyampaikan mesej kepada pihak-pihak berkaitan," jelasnya.

Sebagai rekod, sehingga Jun tahun ini, Pulau Pinang mencatatkan sebanyak



**Dr. Afif Bahardin (berbaju batik) melawat beberapa pameran berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerja sejurus merasmikan Seminar OSHCIM Zon Utara di sini baru-baru ini.**

sembilan kes kemalangan bagi sektor pembinaan yang mana lima daripadanya adalah melibatkan kemalangan maut yang mengorbankan 10 orang pekerja berdasarkan statistik dikeluarkan pihak JKKP.

# Mukhriz yakin pengalaman Pulau Pinang bantu Kedah bangunkan perpustakaan digital

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**GEORGE TOWN –** Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir bersama-sama delegasi mengadakan lawatan ke Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL) dekat Jalan Masjid Negeri di sini pada 5 Julai lalu.

Mengiringi lawatan selama lebih dua jam tersebut adalah Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI), S. Bharathi; Timbalan Setiausaha Bahagian (Makro) Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Mohd. Syaiful Patolga; Pengarah BETA Arkitek, Tan Bee Eu serta Exco Belia dan Sukan, Pelancongan, Seni & Budaya dan Pembangunan Usahawan Negeri Kedah, Mohd. Asmirul Anuar Aris.

Selain meninjau persekitaran PDL Fasa 1 dan Fasa 2, beliau juga diberi taklimat oleh pengurusan perpustakaan berkaitan perjalanan dan perkhidmatan yang disediakan.




CORETAN Mukhriz Mahathir kepada PDL.




MUKHRIZ Mahathir (tengah) bergambar kenangan bersama-sama kakitangan CMI dan pihak-pihak berkaitan sejurus menamatkan lawatan beliau ke PDL Fasa 2.

Mukhriz berkata, Kerajaan Negeri Kedah kini sedang dalam perancangan untuk membangunkan perpustakaan digital demi kepentingan rakyat di negeri itu selari dengan perkembangan teknologi terkini.

"Apa yang ada di sini (PDL) sangat mengagumkan dan saya yakin bahawa dengan pengalaman yang ada pada Pulau Pinang, ia mampu membantu (Kerajaan Negeri) Kedah untuk membangunkan perpustakaan digital.

"Mungkin kita juga akan mengguna pakai konsep yang sama seperti PDL cuma beberapa ciri kelainan perlu ditambah bagi menyesuaikannya dengan mentaliti rakyat Kedah," katanya.

Difahamkan, lawatan tersebut diadakan susulan pengumuman Menteri Kewangan, Lim Guan Eng sebelum ini yang menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan melalui Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) meluluskan peruntukan RM15 juta bagi pembinaan perpustakaan digital di Alor Setar, Kedah.

Memetik laporan media, Guan Eng berkata, pembinaannya akan dimulakan suku pertama tahun hadapan dan dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir tahun hadapan dengan mengadaptasi konsep dan model sama seperti PDL, selain menggunakan khidmat arkitek sama.

"PDL adalah inisiatif dimulakan kerajaan Pulau Pinang secara persendirian dan ini menunjukkan kejayaan model di Pulau Pinang.

"Bagaimanapun, perpustakaan digital di Kedah ini akan lebih besar berbanding PDL kerana akan dibina di atas tanah lebih luas," ujarnya sebagai dipetik pada sidang media 1 Jun lalu.

## Pemeteraian dan pembukaan kampus baru menyumbang kepada visi *Penang2030*

**GEORGE TOWN –** *University of Wollongong* (UOW), sebuah universiti awam Australia sedia menawarkan perkhidmatan pendidikan tinggi berkualiti dengan kerjasama Paramount Corporation Berhad melalui pembukaan kampus baru Kolej Universiti KDU Pulau Pinang (KDUPP) di Batu Kawan, Seberang Perai Selatan (SPS).

Melalui kerjasama tersebut, anak syarikat milik penuh UOW, *UOW Global Enterprises* akan mengambil alih kepentingan majoriti dalam perniagaan dan operasi KDUPP yang merupakan anggota Paramount Pendidikan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Paramount Corporation Berhad (Paramount), Jeffrey Chew, Paramount menandatangani perjanjian dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) pada 2014 untuk membeli tanah pegangan bebas seluas 30 ekar di Batu Kawan bagi membina universiti metropolis pertama di Pulau Pinang.

Tambahnya, Kementerian Pendidikan telah meluluskan pembelian tanah itu pada 22 April lalu.

"Dengan memiliki sebuah kampus di Batu Kawan, yang juga kawasan Taman Perindustrian Batu Kawan, KDUPP dapat bekerjasama dengan majikan untuk memberikan pelajar lebih banyak peluang membuat latihan amali serta menyertai aktiviti profesional.

"Kami percaya kerjasama strategik ini akan membolehkan KDU mara ke tahap pembangunan seterusnya kerana KDU dapat memanfaatkan UOW sebagai universiti berbilang kampus global dan pelbagai program yang ditawarkan," kata beliau pada sidang media di sini 4 Julai lalu.

Dalam pada itu, Pengarah dan Pengerusi UOW Malaysia dari *UOW Global Enterprises*, Noel Cornish menyatakan bahawa graduan UOW akan menyumbang kepada visi *Penang2030* terutamanya dalam meningkatkan kualiti hidup, ekonomi, memperkasakan penyertaan sivik serta melabur dalam aspek alam sekitar.

"Bukan itu sahaja, kami juga berhasrat untuk menghasilkan graduan keusahawanan di Pulau Pinang, dengan prospek global, kemahiran teknologi dan keupayaan bahasa yang kuat," jelasnya.

Turut berucap pada majlis tersebut ialah Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang mewakili Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Menurut Ramasamy, Kerajaan Negeri bukan sahaja mahu menghasilkan graduan yang mampu memenuhi pasaran pekerjaan tetapi juga menitikberatkan keupayaan berfikir individu.

"Universiti sepatutnya dapat menghasilkan individu yang boleh berfikir secara kritikal, bukan sekadar untuk menjamin peluang pekerjaan untuk mereka.

"Justeru, kerjasama ini bukan sahaja memberi manfaat kepada Pulau Pinang, malah juga wilayah utara keseluruhannya, dan saya memuji langkah yang diambil oleh Paramount yang memeterai usahasama dengan UOW," ujar beliau.

## Jom, makan buah-buahan tempatan!

**SEBERANG JAYA –** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyatakan bahawa Kempen Jom Lebihkan Makan Buah-Buahan Tempatan pada musim durian kali ini sekaligus melonjak jenama Pulau Pinang di rantau ini.



DR. Afif Bahardin (dua dari kanan) diiringi wakil-wakil berkaitan pada Majlis Perasmian Kempen Jom Lebihkan Makan Buah-Buahan Tempatan di sini baru-baru ini.

Menurutnya, penganjuran oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berkaitan telah menggamit lebih ramai pelancong asing serta pengunjung tempatan negeri ini untuk merasai sendiri kelainan rasa 'durian Balik Pulau'.

"Ada orang bertanya saya durian variati apa paling sedap di Pulau Pinang, ada yang kata Duri Hitam dan ada yang kata Udang Merah, dan ada banyak lagi terutama di Balik Pulau.

"Saya kata semuanya sedap!" seloroh beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya ketika merasmikan majlis pelancaran kempen berkaitan pada 5 Julai 2019.

Sebelum itu, Pengerusi FAMA, Ishak Ismail memberitahu bahawa pihaknya akan memainkan peranan yang lebih penting bagi menggalakkan rakyat negara ini memakan lebih banyak buah-buahan.

Menurut beliau, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendedahkan bahawa rakyat Malaysia makan buah-buahan lapan kali ganda kurang berbanding jumlah yang disarankan oleh pertubuhan antarabangsa itu.

Ishak menyatakan bahawa pengambilan buah-buahan per kapita rakyat negara ini masih rendah berbanding negara maju iaitu 63 kilogram (kg) bagi setiap orang untuk setiap tahun berbanding 146 kg seperti yang disarankan WHO.

"Justeru, FAMA akan jalankan kempen besar-besaran untuk galakkan orang ramai makan buah-buahan tempatan bermula kempen di sekolah seperti program kerjasama dengan penggiat seni," jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada Afif kerana senantiasa menyokong perancangan FAMA di peringkat negeri.

Dalam perkembangan berkaitan, Ishak berkata bahawa FAMA juga berhasrat meningkatkan pemasarannya melalui program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) supaya buah-buahan tempatan dapat diakses dengan mudah kepada semua pihak.

"Kita optimis sasaran jualan RM5 juta menerusi program JTDL berjaya dicapai memandangkan sehingga Jun ini sahaja kita berjaya mencapai nilai jualan sebanyak RM3.5 juta.

"Program JTDL ini juga telah diperluaskan sehingga ke 380 lokasi di seluruh negara dan ia mampu memberikan faedah kepada pembeli serta pengeluar produk buah-buahan tempatan untuk memasarkan produk mereka," ujarnya.

# *'Penang School Maker Fair'* pupuk minat pelajar berinovasi

**GEORGE TOWN –** Lebih 50 sekolah mengambil bahagian dalam penganjuran *'Penang School Maker Fair'* yang diadakan di Sekolah Menengah (Persendirian) Han Chiang pada 28 dan 29 Jun lalu.

Menurut Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, penganjuran tersebut bertujuan memberi pendedahan awal serta menyuntik semangat pelajar sekolah dalam mata pelajaran sains dan matematik.

"Bidang sains dan matematik ini amat menyeronokkan kerana ia berupaya membentuk pemikiran yang kreatif dan kritis sekaligus dapat melahirkan modal insan yang berdaya saing serta berinovasi.

"(Dan) bidang ini tidak hanya terhad kepada mata pelajaran sains dan matematik sahaja, malah turut melibatkan elemen STEM iaitu sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik," ucapnya pada majlis perasmian program berkaitan di sini 29 Jun lalu.

Beliau yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi percaya bahawa usaha yang dilakukan oleh pihak sekolah dan disokong oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkaitan dapat melahirkan tenaga kerja mahir pada masa hadapan.

"Sekiranya negara mempunyai tenaga kerja mahir tempatan, maka bidang berasaskan kemahiran STEM ini dapat membangunkan negara dan memacu pertumbuhan industri yang inovatif serta berteknologi terkini," katanya.

Dalam pada itu, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo yang turut berucap pada program tersebut memberitahu bahawa sejak lapan tahun lalu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan beberapa pusat STEM.

"Malah, Kerajaan Negeri juga berbelanja besar bagi merealisasikan masa hadapan Pulau Pinang yang mampan.

"Antaranya, penubuhan *Penang Science Cluster* yang menelan kos sebanyak RM23 juta, penubuhan *Tech Dome Penang* (RM28 juta), Pusat Pembelajaran Karpal Singh Pulau Pinang (RM6 juta) dan Perpustakaan Digital Pulau Pinang Fasa 1 dan Fasa 2 (RM10.8 juta).

"Semuanya adalah bagi memperkasakan bidang STEM di Pulau Pinang," jelasnya yang turut meluangkan masa melihat hasil ciptaan para pelajar yang mengambil bahagian.

Turut serta, Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen serta wakil-wakil penganjur.

Selain pameran *Penang Innovator 2019* yang mengetengahkan kreativiti dan prototaip ciptaan pelajar, turut diadakan beberapa aktiviti interaktif sains membabitkan pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Turut diadakan, pameran oleh pemain industri terkemuka seperti *Intel*, *SNS Network, Mouser* dan *Eclimo*. Serentak itu, para pengunjung juga boleh mengambil bahagian dalam bengkel *Scratch Workshop*, *LED Soldering*, *mBot Wresling* dan *3D Printing*.



**ANTARA pelajar yang mengambil bahagian.**



**SEKUMPULAN pelajar sekolah rendah teruja memberi penjelasan kepada Prof. Dr. P. Ramasamy (dua dari kiri) mengenai hasil ciptaan mereka bersempena penganjuran *Penang School Maker Fair 2019* di sini baru-baru ini. Turut kelihatan R.S.N. Rayer (kiri sekali).**



# Laluan terus Pulau Pinang - Melaka mantapkan penjenamaan EPY2020

**BAYAN LEPAS –** Syarikat penerbangan tambang rendah, AirAsia Berhad (AirAsia) memulakan penerbangan terus dari Melaka ke Pulau Pinang bermula 1 Julai 2019.

Penerbangan AK6285 berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM) di Batu Berendam pada 2:50 petang dan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dekat Bayan Lepas pada 4 petang.

Ketibaan pesawat disambut dengan pancuran air dan penumpang disambut mesra oleh Exco Pembangunan Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Yeoh Soon Hin.

Turut hadir, Pengarah Tourism Malaysia (Wilayah Utara), Ahmad Husni Ahmad Basri; Pengarah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) Pulau Pinang, Jonathan Freedy dan Pengarah Perhubungan Kerajaan AirAsia, Zamani Mohd. Rafique dan Ketua Pegawai Eksekutif Penang Global Tourism, Ooi Chok Yan.

Dalam pada itu, Soon Hin ketika ditemui menyambut baik pelancaran laluan domestik terbaru itu, dan penerbangan terus Pulau Pinang ke Melaka serta Melaka ke Pulau Pinang adalah tepat pada masanya.

"Penambahan laluan baru itu akan meningkatkan lagi kehadiran pelancong ke Pulau Pinang sempena Tahun Melawat Pulau Pinang 2020 yang mana dijenamakan sebagai *'Experience Penang 2020'* (EPY2020).

"Tambahan pula, Pulau Pinang dan Melaka berkongsi banyak persamaan apabila kedua-duanya diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

"(Dan) melalui penerbangan terus setiap hari, masa perjalanan dapat dipendekkan terutamanya bagi pelancong yang ingin merasai pengalaman meneroka ke lokasi bersejarah di Malaysia," ujarnya yang turut mengalu-alukan lebih ramai pengunjung ke Pulau Pinang melalui khidmat penerbangan terus AirAsia.

Difahamkan, laluan terus ke Melaka dari PIA adalah laluan ke-14 bagi AirAsia, dan Melaka merupakan destinasi domestik keenam syarikat itu.




**YEOH Soon Hin (tengah) bersama-sama barisan jemputan sempat memberi *pose* istimewa sebelum ketibaan penerbangan terus AirAsia dari Melaka di sini baru-baru ini.**




## Pulau Pinang sedia bergerak ke arah perlindungan rangkaian era 5G

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PANTAI JEREJAK –** Kerajaan Negeri sentiasa terbuka untuk menjalinkan kerjasama dan bertukar-tukar perspektif pandangan dengan pelbagai pihak ke arah menjayakan matlamat menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri pintar.

Dalam menerajui sebuah negeri pintar, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo ketika merasmikan Forum Teknologi Bandar Raya Hijau Malaysia-Taiwan 2019 yang berlangsung baru-baru ini sempat berkongsi beberapa pencapaian Pulau Pinang dalam pelaksanaan inisiatif berkenaan.

Menurutnya, antara pendekatan yang diambil termasuk beberapa inisiatif yang pertama dalam negara.

"Ketika ini, beberapa pendekatan dan pelaksanaan telah dilaksanakan seperti projek perintis teknologi jalur lebar tanpa wayar *Facebook (Terragraph)* yang pertama di Asia, Perpustakaan Digital Pulau Pinang dan Perpustakaan Digital Islam pertama di Malaysia, Pesta Maker's Fair sekolah yang pertama serta penukaran keseluruhan lampu jalan kepada sistem LED.

"Selain itu, Kerajaan Negeri turut membangunkan sistem pertama bagi mengurangkan kes denggi dengan menggunakan teknologi Kecergasan Buatan (AI) yang dikenali sebagai *Crush Aedes Totally*, pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) pengecaman wajah pertama dalam negara, penggunaan sistem parkir pintar di seluruh negeri, perhentian bas pintar, pengurusan sisa yang lebih hijau serta pemasangan panel solar di kemudahan awam pihak berkuasa tempatan (PBT)," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat di sini.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Penyelidikan Institut Teknologi Industri di Pusat Strategik Antarabangsa Industri, Sains dan Teknologi (ISTI), Dr. Jack Chang, Walter Ming S. Yeh (Presiden merangkap Ketua Eksekutif TAITRA) dan Tan Lii I-Inn (Penganalisis Penang Institute,PI).




**JAGDEEP Singh Deo memberi ucapan pada Forum Teknologi Bandar Raya Hijau Malaysia-Taiwan 2019 di sini baru-baru ini.**

Pada forum berkenaan, beberapa penceramah dan sarjana berpengalaman dari Taiwan serta Pulau Pinang turut dijemput untuk saling bertukar dan berkongsi idea mengenai pelaksanaan negeri pintar serta persekitaran hijau yang lebih mampan.

Jagdeep dalam pada itu turut menegaskan bahawa inisiatif negeri pintar akan terus dilaksanakan bagi menambah baik perkhidmatan awam negeri demi kepentingan warga Pulau Pinang.

"Pulau Pinang kini bersedia untuk bergerak ke arah perlindungan rangkaian era 5G, yang mana pada masa kini, rangkaian 3G telah mencapai 100 peratus, dan 4G berada pada tahap 97.7 peratus," tambah beliau.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Dato' Saifuddin Nasution | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |
| | |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Dato' Jasmin Mohamad<br>jmmohamed002@gmail.com | (T) 018 - 468 6610 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Yusri Isahak<br>ysrregnot@gmail.com | (T) 019 - 337 4055 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Kalendar Pelancongan




13hb - 28hb Julai 2019
***George Town Festival 2019***

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abiddin | 017 - 938 9192 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Johnson a/l Anthonysamy | 012 - 424 5745 |
| Kang Yau Chuang | 010 - 829 3904 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Kumaran A/L Krishnan | 012 - 464 4697 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Mohamad Akmal Azhar | 019 - 518 5145 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tengku Rasidah Tengku Kamarudin | 019 - 473 1323 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 013 - 449 0366 |
| 2. | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya | | 018 - 394 4537 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | | 019 - 457 2271 |
| 5. | Vadi Velan A/L Subramaniam | Seberang Perai Selatan | | 011 - 1144 1816 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Aidi Akhbal Mohamed Zainon | 012 - 464 3004 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azli Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Dr. Chee Heng Leng | 017 - 333 9366 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gerald Mak Mun Keong | 016 - 452 6499 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Latifah Hussainsa | 013 - 436 1999 |
| Nurliyana Mohd Ramzi | 011 - 3922 4080 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Kean Peng | 012 - 629 1133 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Saiful Azwan Abd. Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Vino Dini a/p Chandragason Pitchy | 016 - 439 9358 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# Peruntukan kepada SK dan SMK: Apa kata mereka?

**BUAT** julung kalinya, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang mengagihkan peruntukan sebanyak RM3 juta bagi kerja-kerja menyelenggara 170 sekolah kebangsaan (SK) dan sekolah menengah kebangsaan (SMK) di negeri ini.

Ketika berucap dalam Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada SK dan SMK di Pulau Pinang, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Kerajaan Negeri amat komited bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam meningkatkan fasiliti sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan berkaitan.

Selain itu, peruntukan yang disalurkan kepada Pejabat Pendidikan Daerah (lima daerah) di sini juga adalah bagi menampung kekangan dana daripada Kementerian Pendidikan.

Wartawan Buletin Mutiara, **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN** bersama-sama jurufoto, **ALVIE CHENG** berkesempatan mengadakan tinjauan umum bagi mendapatkan maklum balas mengenai inisiatif murni Kerajaan Negeri Pulau Pinang tersebut.

Bagi penjawat awam, **SHARMIN ZOLKIFLI**, 24, beliau menyokong usaha Kerajaan Negeri yang memberikan bantuan penyelenggaraan kepada SK dan SMK.

"Semestinya inisiatif ini baik sekali kerana dapat membantu pihak sekolah menganjurkan pelbagai aktiviti di sekolah.

"Mungkin sebelum ini, terdapat program-program yang tidak boleh dianjurkan kerana masalah kewangan… jadi dengan adanya bantuan kewangan ini, para guru boleh anjurkan program-program yang bermanfaat untuk pelajar.

"Pada masa sama, para pelajar boleh menimba lebih banyak ilmu pengetahuan serta lebih semangat untuk pergi ke sekolah.

"Sistem pendidikan juga akan meningkat apabila sekolah-sekolah boleh menambah baik fasiliti supaya sekolah lebih bersih, cantik dan selesa untuk kegunaan bersama," ulasnya ketika ditemui Buletin Mutiara di ruang konkos Komtar baru-baru ini.



SHARMIN Zolkifli.

Seorang penjawat awam yang bertugas di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang hanya mahu dikenali sebagai **HAFIZ**, 30-an, menyatakan bahawa usaha Kerajaan Negeri adalah sangat relevan dengan perkembangan sistem pendidikan kini.

"Pentadbir sekolah berkenaan dapat menggunakan kemudahan peruntukan tersebut untuk meningkatkan infrastruktur pendidikan bukan sahaja dalam sektor binaan bangunan sekolah, malahan dapat menganjurkan aktiviti ilmiah khususnya kepada warga pendidik serta pelajar sejajar dengan arus pemodenan negara.

"Kemudahan infrastruktur teknologi komunikasi maklumat (ICT) juga perlu diberi perhatian agar para pelajar tidak ketinggalan pada masa hadapan.

"Pendedahan awal mengenai perihal ICT sebenarnya mampu membantu memperkembangkan anjakan paradigma warga pendidik dan pelajar agar lebih proaktif serta berdaya saing dalam sektor pendidikan.

"Jika terdapat peruntukan tambahan, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) boleh perluaskan program pertukaran guru dan pelajar antara dalam negeri atau luar negara.

"Langkah ini sememangnya dapat perluaskan idea pemikiran dan pengalaman untuk mengajar serta mendidik para pelajar dengan menggunakan kaedah pendekatan pedagogi yang lebih sistematik dan berkesan.

"Pada masa sama, sistem pendidikan juga akan meningkat apabila pihak sekolah menerapkan konsep yang diguna pakai oleh negara Jepun dalam bidang pendidikan.

"Apabila sekolah-sekolah mempunyai kemudahan pembelajaran yang lengkap, semua (guru-guru bersama-sama para pelajar) akan bergerak seiring sejajar dengan perkembangan semasa," responsnya yang turut pernah melancong ke beberapa buah negara bagi menimba pengalaman dan ilmu.



HAFIZ Radzi.

Bagi **HAFIZ RADZI**, 45, dari Universiti Teknolgi MARA (UiTM) Merbok, Kedah, inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membantu membiayai kerja-kerja menyelenggara sekolah bantuan penuh kerajaan di negeri ini adalah sangat memberangsangkan dan bagus.

"Pada pandangan saya, bantuan ini akan membantu memberikan kemudahan (dari segi kewangan) kepada pihak sekolah kerana sebelum ini susah bagi pihak sekolah mendapat peruntukan penuh daripada Kementerian (Pendidikan).

"Jadi, pihak sekolah dapat menggunakan peruntukan yang diberi ini untuk membeli peralatan bagi (meningkatkan) proses pengajaran serta pembelajaran yang secara tidak langsung mampu meningkatkan kualiti pendidikan di negeri ini," kata pensyarah berusia 45 tahun itu.



NUR Ismahani Kamilia Wan Chik.

**NUR ISMAHANI KAMILIA WAN CHIK**, 17, turut berkongsi pandangan mengenai inisiatif yang dilaksanakan Kerajaan Negeri itu.

"Bagi saya bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada sekolah-sekolah kebangsaan ini boleh membantu para pelajar untuk belajar dengan lebih selesa.

"Dengan adanya peralatan ataupun kelengkapan baru di sekolah seperti komputer, semestinya memberikan aura serta semangat kepada kami (pelajar) untuk terus menimba ilmu.

"Mungkin dengan adanya bantuan ini, pihak sekolah mampu memperbaiki infrastruktur serta membaik pulih sekolah," responsnya yang merupakan seorang pelajar di salah sebuah SMK di Pulau Pinang.



NUR Amirah Husna Roslan.

Lazimnya, kebanyakan sekolah menghadapi kekangan untuk mengekalkan prasarana yang moden, malah menurut **NUR AMIRAH HUSNA ROSLAN**, 23, pelajar, adakalanya tidak selesa dan hilang semangat untuk ke sekolah ekoran suasana di bilik darjah.

"Maka, dengan inisiatif oleh Kerajaan Negeri ini, ia amatlah membantu pihak pentadbiran sekolah untuk menyelenggara dan mengekalkan kemudahan pembelajaran di sekolah.

"Sekaligus akan memperkasakan sistem pendidikan di Pulau Pinang," katanya yang merupakan wartawan pelatih di George Town.

# Sistem parkir pintar lebih mudah, namun perlu mesra pengguna

**BERMULA** Ogos ini, Pulau Pinang bakal memperkenalkan sistem parkir pintar atau *Smart Parking System* (SPS) yang memerlukan pemandu kenderaan di negeri ini memuat naik aplikasi khas pada telefon pintar masing-masing.

Melalui sistem tersebut, pemandu boleh mendapatkan tapak parkir kereta secara mudah dan cepat di beberapa lokasi terpilih yang menjadi tumpuan ramai.

Pada sidang media baru-baru ini, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengumumkan bahawa bagi fasa pertama, sebanyak 1,000 alat pengesan khusus akan dipasang pada setiap tapak letak kereta terpilih bagi membekalkan maklumat secara pintar, cepat serta mudah langsung kepada pengguna.

Beliau berkata, menerusi aplikasi pintar tersebut, pembayaran caj parkir adalah lebih mudah iaitu secara *'eWallet'*.

Justeru, wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** bersama-sama jurufoto, **NUR AMIRAH HUSNA ROSLAN** berkesempatan mendapatkan reaksi umum berhubung pelaksanaan sistem parkir pintar, sejauh mana ia memberi impak terhadap kegiatan harian penduduk di negeri ini.

**SYAZWANI SUFIAN**, 29, dari Seberang Jaya berpendapat bahawa penggunaan sistem parkir pintar bakal memudahkan orang ramai, namun ia harus bersifat lebih mesra pengguna.



**SYAZWANI Sufian.**

"Sistem ini bakal memudahkan pengguna terutamanya di kawasan bandar, tetapi pelaksanaannya perlu bersifat mesra pengguna.

"Walaupun kita berada dalam era teknologi canggih, tapi masih ada lagi penduduk di negeri ini yang kurang pendedahan terhadap internet khususnya warga emas di kawasan-kawasan kampung," ujarnya ketika ditemui.

Bagi **NABILA RAMLI**, 25 dari Teluk Air Tawar pula berkata bahawa sistem tersebut dilihat bakal menjimatkan masa kerana pengguna tidak lagi perlu ke hulu ke hilir untuk mencari parkir.



**NABILA Ramli.**

"Kadang-kadang, kita banyak habis masa untuk mencari parkir terutamanya di kawasan-kawasan yang padat dengan kenderaan seperti di Seberang Jaya atau Bukit Mertajam.

"Keadaan ini membuatkan pemandu ambil jalan mudah dengan memakir kenderaan sesuka hati sehingga mengganggu lalu lintas dan paling serius sehingga boleh mengancam keselamatan pemandu yang lain," jelasnya.

Nada sama turut disuarakan oleh **NADIA HANAFI**, 28, dari Bagan Dalam yang menyatakan bahawa pembayaran parkir melalui *'eWallet'* lebih memudahkan serta menjimatkan masa pengguna.

"Saya sokong pelaksanaan sistem parkir pintar kerana pada masa kini kebanyakan orang sudah tidak bawa wang tunai, kerana mereka lebih selesa membayar melalui *eWallet*.



**NADIA Hanafi.**

"Jadi, sekiranya tidak ada wang tunai pun kita boleh bayar parkir, dan lebih penting kita tak perlu buang masa mencari parkir.

"Malah, dengan adanya sistem ini nanti, saya dah tak perlu buang masa untuk mencari parkir terutamanya di kawasan-kawasan yang padat dengan kenderaan," ulasnya.

**AZHAR MOHAMAD**, 60, dari Balik Pulau pula kurang bersetuju terhadap pelaksanaan sistem pintar berkenaan kerana menurutnya ia akan menyusahkan golongan warga emas.

"Saya lebih suka menggunakan sistem sedia ada sebab warga emas seperti kami tidak tahu menggunakan internet," jelasnya.



**AZHAR Mohamad.**

**SELMA HASHIM**, 61, dari Jelutong pula memberitahu bahawa pelaksanaan sesuatu dasar yang boleh mendatangkan kebaikan kepada masyarakat di negeri ini adalah wajar disokong.

"Kalau Kerajaan Negeri nak laksanakan sesuatu yang lebih baik, kita setuju lah kerana kita sedia maklum masalah parkir merupakan antara masalah utama di kawasan pulau.



**SELMA Hashim.**

"Oleh itu, melalui sistem pintar ini, pada pendapat saya sangat baik kerana kalau kita tengok di kawasan Komtar sendiri sangat sukar untuk mencari tempat parkir sehingga kita terpaksa berpusing di tempat yang sama berkali-kali," katanya.

Difahamkan, terdapat sebanyak 647 petak parkir di bahagian George Town yang bakal menjadi perintis bagi fasa pertama, iaitu di Lebuh Union, Lebuh Pantai (Lebuh Light – Gat Lebuh Chulia), Lebuh Pasar, Lebuh Queen (Lebih Bishop – Lebih China), Lebuh Queen (Lebuh China – Lebuh Chulia, Lebuh Penang (Lebuh Light – Lebuh China), Lebih Penang (Lebuh China – Lebuh Chulia), Lebuh King (Lebuh Light – Lebuh China), Lebuh King (Lebuh China – Lebuh Chulia), Lebuh Downing, Lebuh Bishop, Lebuh Gereja, Gat Lebuh Gereja, Lebuh China dan Gat Lebuh China.

Di Seberang Perai pula, melibatkan 350 tapak parkir iaitu dekat Lorong Langsat dan Jalan Icon City.

*(Rujuk juga muka 24).*




# Jabatan dan agensi negeri diberi pendedahan metadologi pelaksanaan GRPB

**BENGKEL** Pelaksanaan *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) yang telah diadakan pada 18 dan 19 Jun 2019 di Hotel Cititel Penang oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) adalah kesinambungan daripada Dasar Keterangkuman Gender yang telah dilancarkan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang pada 7 Mac 2019.

Rosnani dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada kumpulan penyelidik serta fasilitator dari Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menjadi tenaga sokongan pada projek yang buat julung-julung kali dilancarkan di sini.

*Public Spaces Specialist for UCLG ASPEC/UN Habitat*, David A. Sagiata dan timbalannya, Loise Jean; wakil Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan anggota Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat turut sertai majlis tersebut.

Sebelum acara perasmian, para peserta Kumpulan Tumpu Bincang, "Wira Oren", kakitangan MPSP menyertai senamrobik dan tarian zumba di sini.

*(Dari muka 1).*

# Wartakan Ulu Muda sepenuhnya

**GEORGE TOWN –** Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) menyuarakan kebimbangan terhadap keputusan Kerajaan Negeri Kedah yang hanya mewartakan 16 peratus atau 17,025 hektar hutan Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, langkah itu menyebabkan 84 peratus atau 89,393 hektar daripada keluasan hutan berkenaan yang menjadi sumber air bagi 4.2 juta penduduk di wilayah utara masih tidak dilindungi.




**IR. Jaseni Maidinsa.**

"Pada 1 Julai lalu, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow (Ketua Menteri Pulau Pinang) membangkitkan soalan di Parlimen berhubung status usaha untuk mewartakan Ulu Muda berikutan pengumuman awal bahawa Kedah telah mengharamkan pembalakan di hutan hujannya.

"Menurut jawapan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS), hanya 106,418 hektar hutan hujan di Ulu Muda diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal oleh pihak berkuasa negeri Kedah di bawah Akta Perhutanan Negara (APN).

"Justeru, persoalannya adalah apakah klasifikasi APN untuk baki 84 peratus daripada Hutan Simpanan Tetap seluas 89,3893 hektar yang masih tidak diwartakan itu?," soalnya dalam kenyataan di sini pada 11 Julai lalu.

Dalam pada itu, Jaseni turut mempersoalkan sama ada Kerajaan Negeri Kedah telah mewartakan mana-mana kawasan Ulu Muda seluas 160,418 hektar sebagai Hutan Pengeluaran Kayu di bawah akta yang sama.

"Tidak ada keraguan bahawa sebarang pengeluaran kayu di Ulu Muda akan menjejaskan perkhidmatan bekalan air bukan sahaja di Kedah tetapi juga di tiga negeri lain di negara ini.

"Justeru, hutan hujan di Ulu Muda harus diklasifikasikan sebagai Hutan Tujuan Persekutuan di bawah APN dengan memastikan kawasan tersebut tidak dimusnahkan," tegasnya.

Mengulas lanjut, beliau menegaskan bahawa pemuliharaan Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air harus diberi keutamaan sebagai pengurusan air mentah yang kritikal dan bukannya isu perhutanan semata-mata.

"Ulu Muda mesti dianggap sebagai aset negara yang memerlukan penjagaan serta perlindungan oleh kerajaan.

"Justeru, bagi memulihara Ulu Muda secara sah untuk selama-lamanya, Kerajaan Persekutuan mesti membayar pampasan seadilnya kepada Kedah.

"Selain itu, ia juga mesti dipulihara sepenuhnya dengan kadar segera demi kesejahteraan 4.2 juta rakyat di negara ini," jelasnya.

# Sumbangan alatan sukan diharap lahir lebih ramai atlet berkualiti

**BUKIT TAMBUN –** Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee menyampaikan sumbangan berupa peralatan sukan bernilai RM8,760 kepada pihak Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mutiara Impian.

Sumbangan tersebut adalah bagi membantu pihak sekolah dalam usaha menaik taraf dan membekalkan peralatan sukan terbaik bagi melahirkan lebih ramai atlet berkualiti di negeri ini.

Menurut Lip Chee, memandangkan SMK Mutiara Impian merupakan sebuah sekolah sukan yang banyak mencipta kecemerlangan, maka Kerajaan Negeri telah bersetuju mengeluarkan peruntukan setiap tahun kepada pihak sekolah untuk menambah peralatan serta fasiliti (sukan) diperlukan.

"Cuma saya harapkan peralatan yang disumbangkan ini dapat digunakan dengan sebaiknya oleh para pelajar dalam mencipta lebih banyak kejayaan pada masa akan datang," ucapnya pada Majlis Penyerahan Peralatan Sukan kepada SMK Mutiara Impian di sini 11 Julai lalu.



SOON Lip Chee (kiri sekali), Goh Choon Aik (dua dari kiri) dan wakil-wakil SMK Mutiara Impian merakam gambar kenangan pada majlis sumbangan berkaitan baru-baru ini.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; wakil Ketua Pengarah Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Seberang Perai Selatan, Mohd. Aidil Jamalis; barisan guru serta para pelajar.

Dalam majlis sama, Lip Chee yang juga ADUN Bagan Jermal turut mengumumkan pemberian sumbangan berjumlah RM5,000 kepada SMK Mutiara Impian bagi membantu pihak sekolah membeli tilam baharu untuk kegunaan pelajar-pelajar asrama sekolah berkenaan.

"Sumbangan ini adalah sebagai tambahan kepada peruntukan sebanyak RM5,000 yang disampaikan ADUN Bukit Tambun (Goh Choon Aik) sebelum ini," katanya.

Dalam pada itu, Pengetua SMK Mutiara Impian, Othman Mohd. Rajab dalam ucapannya memberitahu bahawa sumbangan yang diterima mampu menyuntik semangat pihak sekolah untuk terus maju dalam bidang sukan.

"Semua peralatan ini akan kita gunakan semaksimum mungkin bagi mencapai lebih banyak kecemerlangan sama ada di peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa," ujarnya.

Difahamkan, pelajar SMK Mutiara Impian banyak mencipta kecemerlangan dan kejuaraan dalam bidang sukan seperti hoki, sepak takraw, bola sepak, bola jaring dan olahraga.

Lebih membanggakan apabila tiga pelajar sekolah berkenaan bakal mewakili Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) dalam acara sepak takraw ke pertandingan ASEAN School Games yang bakal berlangsung di Indonesia tidak lama lagi.




## MSNPP, Universiti Okayama Shoka meterai MoU bangun sukan judo

**GEORGE TOWN –** Atlet sukan judo negeri selepas ini bakal mengorak langkah lebih cemerlang ekoran jalinan kerjasama Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dengan Universiti Okayama Shoka, Jepun baru-baru ini.

Memorandom Persefahaman Bersama (MoU) tersebut ditandatangani pada 31 Mei lalu melibatkan Pengarah MSNPP, Frederick Tan Teck An dengan Presiden Universiti Okayama Shoka, Prof. Akio Ijiri yang berlangsung di negara matahari terbit tersebut.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee pada sidang media baru-baru ini memaklumkan bahawa kerjasama tersebut membolehkan Kerajaan Negeri melalui MSNPP melaksanakan pembangunan sukan judo serta memahami pembangunan sukan di negara Jepun.

"Melalui kerjasama ini, enam atlet negeri dan seorang jurulatih telah diberi kesempatan mengikuti program latihan di Universiti Okayama Shoka pada 23 Mei hingga 9 Jun lalu.

"Sebagaimana diketahui umum, bagi sukan judo, sememangnya negara Jepun adalah yang paling handal dan mereka juga mempunyai kemudahan sukan (judo) bertaraf dunia.

"Jadi kita (Pulau Pinang) buka peluang untuk atlet-atlet muda ini belajar dan berlatih bersama-sama dengan mereka yang profesional," ujarnya di sini sambil menyatakan bahawa kunjungan tersebut sekali gus membuka peluang Kerajaan Negeri menjalinkan hubungan lebih erat dengan negara Jepun bukan sahaja untuk sukan judo sebaliknya semua bidang sukan yang lain.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam merangkap Ahli Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan dan Khoo Kay Chee (Penasihat Persatuan Judo Pulau Pinang merangkap Setiausaha Kehormat Persekutuan Judo Malaysia).

Mengulas lanjut mengenai kunjungan tersebut, Lip Chee memberitahu bahawa delegasi MMK Belia dan Sukan turut berkesempatan melakukan kunjungan hormat kepada Majlis Sukan Jepun, *Okayama Sports Association, All Japan Juo Federation* dan persatuan-persatuan sukan tempur di Jepun.

"Melalui kunjungan ini, kita dapat mempelajari bagaimana perancangan program sukan yang mampan di Jepun dilaksanakan bagi meningkatkan semangat sukan membabitkan semua lapisan masyarakat serta jalinan kerjasama di antara pihak swasta dengan kerajaan Jepun dalam pembangunan sukan melalui latihan, program mahupun infrastruktur.

"Penyediaan kemudahan dan penyusunan tempat latihan mengikut justifikasi serta keperluan untuk menjalin keselamatan atlet turut didedahkan termasuk hal-hal pengurusan dan pentadbiran kemudahan, lokasi penganjuran, kompleks serta peralatan sukan yang lebih sistematik," jelasnya.

Tambah Lip Chee yang juga ADUN Bagan Jermal, Jepun telah melaksanakan pelbagai aktiviti bagi memupuk semangat sukan dalam golongan masyarakatnya, dan perkara sama akan cuba diterap serta dipraktikkan oleh Kerajaan Negeri untuk manfaat warga Pulau Pinang.

"Kerajaan Negeri akan memperluaskan lagi pelaksanaan program *Sports For All*, dan kita akan jalinkan kerjasama dengan persatuan-persatuan sukan untuk menganjurkan klinik sukan bagi kanak-kanak supaya semangat kesukanan dapat dipupuk dari kecil.

"Jurulatih juga memainkan peranan penting dalan pembangunan sukan berprestasi tinggi, justeru mereka perlu meningkatkan pengetahuan dari semasa ke semasa, dan yang paling penting kita akan bekerjasama dengan negara lain yang pakar dalam sains sukan untuk meningkatkan tahap sukan di Pulau Pinang," kata beliau.

*(Dari muka 6).*

# Pulau Pinang sebagai hab pendaratan tuna rantau Asia Tenggara terima respons positif



AKTIVITI nelayan di pantai berhampiran perairan selatan Pulau Pinang.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**URA-URA** Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat menjadikan negeri ini, terutama Pelabuhan Batu Maung sebagai hab pendaratan ikan tuna bagi rantau Asia Tenggara.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar & Kesihatan, Dr. Afif Bahardin baru-baru dilaporkan berkata bahawa pihaknya melalui Jabatan Perikanan Negeri memang ada rancangan untuk mengembangkan potensi sektor industri tuna pada satu tahap yang lebih produktif.

Apabila tular di media sosial berhubung berita dan gambar pendaratan lebih 50 tan ikan tuna di Pelabuhan Pulau Pinang membabitkan dua kapal besar baru-baru ini, ada ura-ura mengatakan Kerajaan Negeri berhasrat jua untuk menjadikan Taman Perindustrian Bukit Minyak sebagai hab memproses komoditi itu.



MAD Zin Che Din.

Mengulas lanjut, bekas Ketua Unit Nelayan Teluk Kumbar, **MAD ZIN CHE DIN**, 70, menyatakan bahawa idea menjadikan pelabuhan Batu Maung sebagai hab pendaratan tuna telah diperkatakan sejak tahun lebih sedekad lepas lagi.

"Hasrat nak jadikan Pulau Pinang sebagai hab pendaratan tuna ini, kerajaan kita dah bercakap sejak beberapa tahun dulu lagi.

"Zaman Tan Sri Muhyiddin Yassin menjadi Menteri Pertanian (2004 - 2008) dulu lagi, saya dah terlibat dalam mesyuarat peringkat persatuan dengan agensi kerajaan.

"Rungutan daripada pengusaha ketika itu lagi antaranya kenaan caj sangat tinggi daripada segi (caj) pendaratan.

"Macam di Phuket, Thailand, ada juga pendaratan tuna, maksudnya di mana-mana tempat pun boleh jadi hab pendaratan, cuma pengusaha tentu akan memilih tempat pendaratan yang mengenakan caj lebih murah.

"Ikan tuna ini tentu ditangkap di Laut Andaman ataupun Lautan Hindi, ertinya kapal besar dari tengah laut ini ada banyak pilihan sama ada nak mendarat di Pulau Pinang ataupun di Phuket ataupun di mana-mana pelabuhan lain," responsnya ketika ditemui di Sungai Rusa, Balik Pulau baru-baru ini.

Menurut Mad Zin, andai Kerajaan Negeri Pulau Pinang menawarkan kenaan caj pendaratan yang rendah sekalipun, negeri ini masih bersaingan dengan negeri Kedah serta beberapa lagi pelabuhan di negara-negara jiran.

"Kena ada program inisiatif yang lebih besar, kalau benar Pulau Pinang nak dijadikan hab pendaratan tuna bagi rantau Asia Tenggara ini.

"Memang ada cadangan dahulu untuk mewujudkan kilang di atas sebidang tanah milik LKIM (Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia) berhampiran Pelabuhan Batu Maung ini, bagi menarik kapal-kapal besar di rantau Asia Tenggara untuk mendaratkan tuna di sini.

"Kalau di Indonesia, memang ada kilang memproses tuna berhampiran pelabuhan tempat tuna didaratkan, dia akan proses ikan tuna, termasuk (sisa) seperti kepala dan segala tulang ikan akan dihantar ke sebuah kilang lagi di lokasi tempatan yang sama jua untuk diproses menjadi makanan, minyak dan sebagainya," jelasnya.

Mengimbau sejarah, Mad Zin memberitahu bahawa memang ada pelabur asing dari negara Arab berhasrat untuk membangunkan industri tuna negeri, tetapi sikap acuh tidak acuh sesetengah pihak dengan mengambil masa perbincangan yang agak lama menyebabkan proses usahasama itu gagal dimuktamadkan.

"Nak bagi jawapan untuk status tanah bagi dijadikan kilang memproses tuna, agensi-agensi kerajaan agak regid dan lambat dalam perundingan yang akhirnya mengakibatkan para pelabur dari negara-negara Arab terus mengabaikan projek (pendaratan tuna) yang sepatutnya telah wujud di negeri ini," ujarnya sambil menyatakan bukan niat beliau untuk menuding jari kepada mana-mana pihak.

Tambah Mad Zin, para pelabur berkenaan akhirnya dikhabarkan ke Filipina kerana syarat-syarat pelaburan termasuk kenaan cukai tanah dan caj pendaratan ikan di negara berkenaan adalah lebih 'istimewa' berbanding di negeri ini.

"Selepas ini, kalau ada peluang untuk menjadikan Pelabuhan Batu Maung sebagai hab pendaratan ikan tuna lagi, kalau boleh pihak berkuasa negeri bagilah pengecualian cukai untuk kilang memproses ikan tuna, kerana industri ini memang mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan," katanya sambil menyokong hasrat Kerajaan Negeri hari ini untuk menjadikan negeri sebagai hab pendaratan ikan tuna bagi Rantau Asia Tenggara.




TOH Tat Soon.

Seorang lagi responden, **TOH TAT SOON**, 50, turut mengaku bahawa

nelayan pantai setempat kini kian berkurangan, terutama dalam kalangan muda-mudi.

Menurut Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Pantai Acheh itu, rata-rata mereka berhijrah ke bandar dan menjadi pekerja industri sekitar Zon Perindustrian Bayan Lepas, dengan kadar upah buruh yang lebih 'berbaloi'.

"Banyak orang muda keluar dari kampung ini, ke bandar kerana pendapatan sebagai nelayan bagi mereka tak berbaloi.

"Nelayan di Teluk Bahang ini rata-rata sudah berumur, usia mesti lebih 40-an, mereka banyak menangkap ikan dan udang, tapi tak akan sampai kawasan laut dalam sebab memerlukan kos yang besar.

"Jadi, nelayan Sungai Pinang kalau ada bot yang agak besar pun, mereka tidak akan terlibat dalam aktiviti menangkap atau mendaratkan ikan tuna, jika kerajaan memang ada inisiatif untuk industri ini.

"Cuma, kalau jadi pendaratan tuna di (Pelabuhan) Batu Maung, dan ada kilang memproses ikan tuna, tentu akan mewujudkan peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan," ujarnya sambil mengharapkan Kerajaan Negeri pada kali ini lebih serius dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai hub pendaratan tuna.

Menurut Tat Soon, kilang memproses tuna lebih strategik didirikan berhampiran dengan Pelabuhan Batu Maung, dekat Bandar Bayan Baru berbanding di Taman Perindustrian Bukit Minyak dekat Kawasan Parlimen Batu Kawan.



SEORANG nelayan sedang menyelenggara bot di pantai Teluk Kumbar.



MOHD. Riduan Hashim.

Bagi **MOHD. RIDUAN HASHIM**, 36, beliau memberitahu bahawa pihaknya tidak ada masalah sekiranya Kerajaan Negeri hari ini mahu menyediakan pelbagai program insentif demi menjadikan Pulau Pinang sebagai hab pendaratan tuna bagi rantau Asia Tenggara.

Namun, ulasnya, kerajaan serta agensi-agensi kerajaan berwajib perlu jua menyediakan program insentif kepada nelayan pantai terutama di bahagian selatan pulau, jua di Kuala Sungai dekat Parlimen Balik Pulau.

"Hampir setiap tahun, Kerajaan Negeri memang ada menanam tukun tiruan dekat perairan Pulau Kendi, sedangkan nelayan pantai bukan di situ sahaja.

"Sedang dari Kuala Sungai Pinang (dekat Teluk Bahang) nak ke sana (perairan Pulau Kendi) memakan kos kerana perjalanan jauh," katanya yang juga anggota Unit Nelayan Kuala Sungai Pinang.

Mohd. Riduan dalam pada itu turut mencadangkan penanaman tukun tiruan di laut kawasan 'memukat' iaitu lebih kurang 10 batu nautika dari gigi pantai.

Baginya, hasrat Kerajaan Negeri hari ini mahu Pulau Pinang dijadikan hab pendaratan ikan tuna tidak akan menjejaskan aktiviti nelayan pantai.

"Masalah paling utama bagi mereka yang nak mendaratkan tuna di (Pelabuhan) Batu Maung sebelum ini adalah isu parkir, masalah bagi kami nelayan pantai pula adalah aktiviti pukat tunda yang memang memusnahkan tukun yang menjadi 'rumah' tempat ikan biak.

"Kami nelayan pantai mungkin tidak perlu insentif seperti tanah untuk buka kilang proses tuna dekat dengan tempat pendaratan tuna (iaitu di Pelabuhan Batu Maung), tapi kalau boleh langkah penguatkuasaan terhadap aktiviti pukat tunda ini mesti lebih serius dan tegas.

"Aktiviti pukat tunda ini nelayan warganegara yang buat, habis musnah tukun yang ada, aktiviti tangkap ikan tuna tak pakai pukat tuna (tapi) pakai pancing.

"Lagipun aktiviti tangkap ikan tuna ini di lautan dalam, memang tak ganggu aktiviti nelayan pantai, jadi tiada masalah jika Kerajaan Negeri nak ikan tuna didaratkan di (Pelabuhan) Batu Maung," ujarnya.

Beberapa maklum balas responden berkenaan turut diketengah kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Bahang, **ZOLKIFLY MD. LAZIM**.

Baginya, hasrat Kerajaan Negeri mahu menjadikan Pulau Pinang sebagai hab pendaratan tuna bagi rantau Asia



ZOLKIFLY Md. Lazim.

Tenggara akan mengembangkan lagi potensi sektor logistik, rantaian bekalan serta meningkatkan pendapatan sektor isi rumah rakyat teramai.

"Di peringkat dunia ini, permintaan protein memang tak cukup, ikan ini adalah salah satu protein yang diburu di peringkat dunia kerana tidak pernah cukup.

"Kalau Kerajaan Negeri boleh menarik semua pihak berkepentingan untuk mendaratkan tuna di negeri ini; kalau pentadbiran (Ketua Menteri) Yang Amat Berhormat Tuan Chow (Kon Yeow) dan Dr. Afif berjaya 'kawal' sektor ini, ertinya Kerajaan Negeri berjaya meletakkan Pulau Pinang dalam peta industri protein dunia terutama rantau Asia Tenggara," katanya.

Lagipun tambah beliau, andai Pulau Pinang menjadi hab pendaratan tuna, secara relatif industri memproses tuna negeri jua akan kian komersial dan berkembang.

"Takkan tuna didarat di Pelabuhan Batu Maung, tapi diproses di Jakarta ataupun Phuket (Thailand) ataupun di Filipina kerana telah ada kilang memproses tuna berhampiran pelaburan di negara-negara tersebut?

"Tentu potensi pelabuhan Batu Maung akan berkembang, kilang memproses ikan tuna yang akan wujud atas sebab Kerajaan Negeri ada pelan ekonomi juga akan turut berkembang dan maju.

"Itu, belum kira perusahaan hiliran yang pasti akan wujud sebab pendaratan tuna di sini, juga sektor logistik seperti perkhidmatan pengangkutan darat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) serta perkhidmatan menyimpan-beku tuna dan sebagainya," jelasnya.

Tambah Zolkifly, Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang acapkali diberitahu bahawa hasil perikanan negeri sangat tinggi serta kian meningkat.

"Cuma, kalau hasrat menjadikan Pelabuhan Batu Maung sebagai hab pendaratan tuna bagi Rantau Asia Tenggara ini, saya tak boleh bayangkan berapa ratus hatta ribu kali duit pada nilai seringgit (RM1) akan bergerak dan berkitar dalam ekonomi *(velocity of money)*, kerana peluang pekerjaan yang akan wujud serta berkembang pun saya tidak boleh bayangkan berapa banyak jumlahnya," ujarnya.

Zolkifly menyokong penuh hasrat Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang membuat dasar serta program insentif sokongan demi menjadikan negeri ini sebagai hab pendaratan tuna bagi rantau Asia Tenggara.

(Dari muka 15).

# Sensor *Penang Smart Parking* fasa pertama dipasang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN -** Pemasangan sensor fasa pertama bagi projek perintis sistem tempat letak kereta secara pintar, *Penang Smart Parking* (PSP) bakal melibatkan 647 petak tempat letak kereta di bahagian pulau, manakala Seberang Perai (350).

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa selepas itu, pemasangan sensor akan diteruskan selepas tiga bulan pelaksanaan fasa pertama sehingga siap sepenuhnya 36,000 petak tempat letak kereta iaitu dijangka pada Ogos 2020.

"Aktiviti promosi serta makluman awam akan dilakukan oleh pihak syarikat yang menguruskan sistem ini iaitu Syarikat HeiTech Padu (HTP) Berhad," ujarnya pada sidang media di sini 15 Julai lalu.

Hadir sama, Yang Di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud dan Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali.

Turut serta, Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Naib Presiden Eksekutif HTP Berhad, Abdul Halim Md. Lassim dan wakil konsultan, Smart City Consultants Sdn. Bhd., Dhev Kumar Raghavan.




**JAGDEEP Singh Deo (duduk, tiga dari kiri) bersama-sama barisan kepimpinan pihak berkuasa tempatan dan wakil-wakil berkenaan pada sidang media pemasangan sensor fasa pertama PSP di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Jagdeep memaklumkan bahawa dengan pelaksanaan sistem bersepadu tersebut, pihak Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya kadar bayaran parkir dikekalkan.

"Bagi bahagian pulau, kadar 80 sen sejam dan bagi kawasan di MPSP kekal 40 sen sejam. Begitu juga bagi pas bulanan, kekal RM150 sebulan di bahagian pulau dan RM75 sebulan (MPSP).

"Manakala bagi waktu kawalan kadar bayaran diselaraskan bagi seluruh negeri Pulau Pinang iaitu Isnin hingga Sabtu kecuali hari Ahad dan cuti umum bermula jam 8 pagi sehingga 6 petang.

"Walau bagaimanapun, waktu kawalan terbaru ini hanya akan berkuat kuasa setelah tarikh pewartaan dimuktamadkan nanti," jelasnya.

Dalam pada itu, bagi Abdul Halim, beliau sangat berbesar hati dapat menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam melaksanakan inisiatif pintar ini.

"Pihak kami amat teruja, dan saya sendiri tidak sabar untuk merealisasikan inisiatif yang pertama seumpamanya di negara ini dan Pulau Pinang mendahuluinya," katanya.

Difahamkan, projek hasil inisiatif pembiayaan swasta (PFI) ini adalah perkhidmatan petak tempat letak kereta berintegrasi dengan menggunakan kombinasi *internet of things*, perkomputeran awan, sistem pandu arah dan bayaran secara dalam talian.

Usahasama antara Kerajaan Negeri dan pihak berkaitan adalah untuk tempoh 5+2 tahun bermula pada Mei 2019.

# MPSP terus berusaha tangani masalah anjing terbiar

**BAGAN JERMAL –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) terus berusaha menangani masalah anjing terbiar yang sering mengundang rasa tidak selamat dalam kalangan masyarakat.

Bagi tujuan tersebut, MPSP sekali lagi menganjurkan Program Pemandulan Anjing dan Pendidikan Haiwan Kesayangan Bersama-sama Komuniti bagi kawasan Seberang Perai Utara di sini pada 29 Jun lalu.

Program tersebut dirasmikan oleh Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Boon Poh berkata, adalah penting bagi penduduk di negeri ini mempunyai lesen untuk menjaga haiwan kesayangan masing-masing.

"Sekiranya anda ingin menjaga seekor anjing, anda mesti tahu bagaimana untuk mengurusnya.

"Justeru, program ini memberi pendidikan kepada masyarakat mengenai kepentingan penjagaan haiwan kesayangan seperti pengambilan vaksin, pelesenan, pemeliharaan kucing serta anjing, pameran haiwan dan program pemusnahan anjing.

"Ia sangat memberi manfaat kepada komuniti kita," katanya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi MPSP, Tan Chee Teong dan Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod.

Difahamkan, penganjuran program berkenaan turut melibatkan kerjasama daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang, doktor veterinar sukarelawan, *Society for The Prevention of Cruelty to Animals* (SPCA), Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Taman Lucky dan Perpustakaan Desa Pulau Pinang.

Selain itu, MPSP juga bekerjasama dengan klinik veterinar swasta untuk memberikan perkhidmatan pensterilan anjing di bawah harga pasaran iaitu RM180 untuk anjing betina dan anjing jantan (RM80).

Dalam pada itu, Rosnani menambah bahawa program tersebut diadakan sebagai salah satu inisiatif MPSP untuk memberikan kesedaran dan kefahaman kepada pemilik anjing serta kucing mengenai cara pemeliharaan yang betul serta mengikut undang-undang di samping mewujudkan persekitaran selamat.

"Isu anjing liar masih menjadi isu kritikal yang mana sehingga sehingga Mei lepas, MPSP telah menerima 1,195 aduan berkaitan masalah ini.

"Bagaimanapun, untuk jangka masa pendek, MPSP telah melakukan operasi menangkap anjing-anjing terbiar ini," ujarnya.



**PHEE Boon Poh (empat dari kiri) dan Ir. Rosnani Mahmod (bertudung) pada penganjuran Program Pemandulan Anjing dan Pendidikan Haiwan Kesayangan Bersama-sama Komuniti bagi kawasan Seberang Perai Utara di sini baru-baru ini.**



*(Dari muka 1).*

# Rakyat sambut baik inisiatif 'Tiada Beg Plastik Setiap Isnin'

**MULAI** 1 Julai 2019, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan inisiatif baharu berhubung kawalan penggunaan plastik.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, inisiatif tiada beg plastik setiap hari Isnin itu bukan berbentuk dasar yang dikenakan kepada semua peniaga di Pulau Pinang.

Sebaliknya, ia merupakan tindakan lanjutan selepas Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma diperkenalkan Kerajaan Negeri sejak tahun 2009.

Walau bagaimanapun, para peniaga dan pengguna disaran untuk mengurangkan penggunaan beg plastik sebagai tanda sokongan cintakan alam sekitar.

Jom ikuti tinjauan wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** di sekitar Bayan Baru bagi mendapatkan pandangan daripada umum berhubung inisiatif tersebut.



MOHAMAD Iskandar Jaafar.

**MOHAMAD ISKANDAR JAAFAR**, 29, pekerja swasta, berpendapat bahawa inisiatif tersebut perlu dilaksanakan di peringkat kebangsaan memandangkan isu alam sekitar terutamanya membabitkan jangka hayat di tapak pelupusan sampah merupakan isu nasional.

"Syabas kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah memperkenalkan inisiatif ini, cuma pada pandangan saya ia perlu dilaksanakan di peringkat Persekutuan.

"Sampah yang dihasilkan oleh penduduk di negara ini kebanyakannya adalah sisa plastik, dan dengan inisiatif tiada beg plastik ini, impak yang amat besar terhadap alam sekitar dapat dilihat.

"Selain itu, saya percaya ia juga dapat mengurangkan kos pengurusan tapak pelupusan sampah," ujarnya.



IKHWAN Idris.

Bagi **IKHWAN IDRIS**, 33, beliau menzahirkan keyakinan bahawa pelaksanaan inisiatif tersebut akan menjadikan Pulau Pinang lebih bersih dan hijau.

"Inisiatif ini sangat bagus bagi jangka masa panjang terutama untuk kita yang sangat sinonim dengan beg plastik.

"Katakan tidak terhadap penggunaan plastik termasuk beg plastik biasa kerana ia telah mengganggu ekosistem di lautan serta daratan, dan sekiranya tidak dikawal, ia akan mengakibatkan hidupan seperti ikan, burung… mati," katanya yang merupakan agen insurans.



LUQMAN Misni.

Pereka grafik, **LUQMAN MISNI**, 26, ketika mengulas isu berkenaan berpendirian ia wajar untuk dilaksanakan, kerana bahan seperti plastik mengambil masa yang lama untuk dilupuskan.

"Kempen tanpa beg plastik setiap Isnin ini mampu mendidik rakyat untuk mengamalkan gaya hidup berkualiti dengan menggunakan beg kitar semula dan secara tidak langsung memelihara alam sekitar.

"Mentaliti dan tabiat rakyat untuk berubah memang sukar, cumanya notis mengenai perkara ini perlu diuar-uarkan sebagai peringatan kepada pengguna," cadangnya yang mahu melihat kempen tersebut berjaya mencapai matlamatnya.

Turut sependapat ialah pelajar institusi pengajian tinggi (IPT), **NOR ATIKAH AHMAD OSMAN**, 26, yang amat bersetuju dengan cadangan pelaksanaan inisiatif berkaitan.

"Inisiatif ini perlu dilaksanakan secara berperingkat dan menyeluruh di peringkat akar umbi, takut kalau dilakukan secara mengejut, matlamat sebenar tidak sampai kepada umum.

"Pada pendapat saya, pelaksanaan ini harus ditekankan di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT) dalam menyemai sikap 'kebiasaan' kepada golongan muda.

"Golongan muda adalah pewaris masa depan negara, jadi adalah lebih mudah sekiranya golongan ini yang menjadi pelopor untuk memperkasakan tindakan itu terutamanya dalam merealisasikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau," ulasnya.



NOR Atikah Ahmad Osman.



# Tuisyen percuma, sedia pendidikan terbaik buat anak-anak




**JOSEPH Ng Soon Siang (enam dari kanan) bergambar kenangan dengan barisan jawatankuasa, guru-guru dan pelajar-pelajar sejurus melancarkan inisiatif tuisyen percuma di sini baru-baru ini.**

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**AIR ITAM –** Sejumlah 20 pelajar dari Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam di sini bakal menerima manfaat tuisyen secara percuma.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Joseph Ng Soon Siang ketika melancarkan inisiatif tersebut berkata, kelas tuisyen percuma berkaitan adalah bagi membantu keluarga daripada golongan B40 untuk menyediakan pendidikan terbaik buat anak-anak mereka.

"Adalah menjadi harapan saya bahawa dengan adanya tuisyen secara percuma ini, ia akan menguatkan jati diri pelajar sekaligus mengurangkan masalah sosial melalui program-program sokongan seumpamanya.

"Ia adalah salah satu inisiatif pembangunan modal insan berbentuk sumbangan pendidikan kepada masyarakat di sini," ujarnya ketika melancarkan perkhidmatan tuisyen percuma tersebut dekat Dewan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung, Kampung Melayu di sini 27 Jun lalu.

Seramai empat guru berpengalaman ditugaskan untuk mengajar empat subjek teras membabitkan pelajar Darjah 4 seramai 12 orang dan Darjah 5 (8).

Inisiatif julung kali ini juga mendapat kerjasama daripada JCI George Town, sekolah, badan kerajaan, MPKK/Rukun Tetangga serta sokongan guru-guru dan para sukarelawan.



# Laksana program kebajikan melalui sukan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **K. THAARSHENII**

**DATUK KERAMAT –** Hasil penganjuran Pertandingan Badminton Piala Kebajikan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Li Tek baru-baru ini, ia telah membawa kepada sumbangan dalam bentuk kewangan kepada tiga rumah kebajikan tersebut iaitu rumah kanak-kanak The Salvation Army, Persekutuan Kebajikan Anak Yatim Islam Pulau Pinang (PKAYIPP) dan Ramakrishna Ashrama.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo ketika merasmikan kejohanan tersebut memuji inisiatif pihak penganjur kerana menggalakkan gaya hidup sihat, dan pada masa sama melaksanakan program kebajikan di peringkat komuniti.

"Melalui sukan, ianya mampu mengekalkan kesihatan serta kecergasan kita selari dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri bersih, hijau sihat dan selamat.

"Untuk itu, saya bercadang meneruskan lagi pertandingan ini pada tahun depan, namun lokasi akan ditukar ke tempat yang lebih besar, maka ramai lagi pemain boleh menyertai pertandingan, dan hari ini saya difahamkan seramai 216 penyertaan diterima," ujarnya yang juga ADUN Datuk Keramat pada penganjuran berkaitan di sini 29 Jun lalu.

Hadir sama, ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; Pengerusi Persatuan Badminton Pulau Pinang, Kau Kah Kiak dan Pengerusi Persatuan Menyambut Perayaan Phor Thor Sri Tanjung, Tan Beng Ghee.

Difahamkan, Jagdeep turut menaja RM7,000 manakala *Protech Sports* menaja raket untuk juara, beg raket bagi naib juara dan beg kasut untuk tempat ketiga dan keempat.

Sebanyak lima kategori dipertandingkan iaitu Lelaki dan Wanita Bawah 11 tahun; Perseorangan Lelaki dan Wanita Bawah 14 tahun; Perseorangan Lelaki dan Wanita Bawah 17 tahun; Regu Lelaki dan Wanita Bawah 12 tahun dan Regu Wanita Bawah 16 tahun.



**JAGDEEP Singh Deo (tengah, berkemeja putih) merakam gambar kenangan bersama-sama para peserta yang mengambil bahagian dalam penganjuran Pertandingan Badminton Piala Kebajikan di sini baru-baru ini.**

## Anjur kelas violin, hasrat wujudkan 'Daerah Seni' di Bagan Dalam

**BAGAN DALAM -** Di bawah Program Better Butterworth, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees mengambil inisiatif turut menganjurkan siri kelas belajar bermain violin untuk anak-anak di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) yang diwakilinya itu.

Ketika berucap, Satees memberitahu bahawa beliau berharap impian mewujudkan 'Daerah Seni' di sini dapat direalisasikan kelak melalui beberapa projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) seumpama kelas bermain violin berkaitan.

"Kelas ini adalah percuma, akan berjalan selama tiga bulan.

"Program ini adalah sebahagian daripada projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang saya cuba buat untuk bakat di Parlimen Bagan terutama untuk KADUN Bagan Dalam.

"Nak belajar main apa jua alat muzik memang kena serius, jangan ponteng kelas," jelasnya dalam acara perasmian ringkas di sini baru-baru ini.

Selain kelas violin, Satees sebelum ini turut membiayai beberapa projek CSR seperti klinik melukis kartun, kelas robotik, bengkel melukis dan *'JMC Class'*.



**M. Satees (berkemeja putih) merakam gambar dengan para tenaga pengajar dan pelajar-pelajar yang menyertai kelas violin bersempena majlis perasmiannya di sini baru-baru ini.**



# Bersama-sama kekalkan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri memberikan *pose* menarik dengan berlatarbelakangkan Masjid Melayu Lebuh Acheh pada penganjuran George Town Heritage Walk 2019 di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**GEORGE TOWN -** Seluruh warga Pulau Pinang diseru untuk terus bersama-sama Kerajaan Negeri dalam memelihara status George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Menelusuri perjalanan menguruskan tapak warisan berkenaan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa meskipun peringkat awalnya banyak cabaran yang perlu dilalui Kerajaan Negeri termasuk usaha memulihkan semula hampir 500 rumah terbiar, namun kini ia membuahkan hasil.

Jelasnya, dengan penubuhan *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI) dan ketegasan pihak Kerajaan Negeri mengubah undang-undang yang perlu, perjalanan menguruskan tapak warisan berkenaan kini mencapai kemajuan baik.

"Dengan penubuhan GTWHI, perjalanan menguruskan tapak warisan ini menunjukkan kemajuan baik sehingga George Town terkenal di rantau Asia Tenggara.

"Semua ini tak akan berhasil sekiranya tiada penglibatan serta sumbangan daripada pelbagai pihak termasuk komuniti setempat," ujar beliau pada program George Town Heritage Walk 2019 di Lebuh Pantai dekat sini 7 Julai lalu.





**SEBAHAGIAN pelancong yang turut mengambil bahagian.**

**PERSEMBAHAN tarian tradisional yang memukau.**



**DUA kanak-kanak begitu asyik dengan permainan yang dipamerkan.**



**SALAH satu persembahan muzik tradisional.**

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar merangkap Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng, ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen dan Pengurus Besar GTWHI, Dr. Ang Ming Chee.

Sejurus itu, Kon Yeow melepaskan kira-kira 1,000 peserta sambil bersama-sama berjalan kaki sejauh lima kilometer (km) melawati bangunan-bangunan unik di sekitar Tapak Warisan Dunia George Town.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong memberitahu bahawa beliau yakin segala usaha yang telah dilaksanakan selama 11 tahun ini akan terus menjulang nama George Town sebagai tapak warisan dunia.

"Penting untuk mengekalkan George Town kerana kekayaan nilai-nilai arkitektual dan bangunan di kawasan ini.

"Nilai-nilai budaya dalam tapak warisan ini adalah penting kerana jika tiada kelangsungan budaya di kawasan ini, ia sedikit-sebanyak akan menjejaskan tapak ini sebagai tapak warisan dunia.

"Jadi, diharap semua warga negeri bersama-sama Kerajaan Negeri dan GTWHI untuk terus pastikan status ini terpelihara dan kekal," serunya.